




KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah



MODUL PENGAJARAN  
DAN  
PEMBELAJARAN

**MATEMATIK**  
(Sekolah Kebangsaan)



TAHUN **5**





**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

**MODUL PENGAJARAN  
DAN  
PEMBELAJARAN**

**MATEMATIK  
(Sekolah Kebangsaan)**

**TAHUN 5**

Terbitan



Bahagian Pembangunan Kurikulum

**2014**

Cetakan Pertama 2014

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## ISI KANDUNGAN

	<b>MUKA SURAT</b>
Isi Kandungan	iii
Pendahuluan	v
Penjelasan Dan Penggunaan Modul	vi
<b>NOMBOR DAN OPERASI</b>	
1.3(i) Mengelas pola bagi urutan nombor genap dan nombor ganjil	1
1.3(ii) Melengkapkan pola bagi nombor genap dan nombor ganjil	6
2.1(i) Menambah sebarang dua, tiga, empat dan lima nombor hingga enam digit hasil tambahnya hingga 1 000 000 dengan menggunakan pelbagai strategi termasuk membuat anggaran.	11
2.1(ii) Menyelesaikan ayat matematik yang melibatkan anu dalam penambahan hingga tiga nombor.	20
2.2(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan penambahan Hingga tiga nombor dengan menggunakan pelbagai strategi.	28
Cadangan Standard Prestasi bagi tajuk Tambah	37
3.1(i) Menolak sebarang dua nombor hingga 1 000 000 dengan menggunakan pelbagai strategi termasuk membuat anggaran.	42
3.1(ii) Menentukan nilai anu bagi ayat matematik yang melibatkan penolakan dua nombor.	49
3.3(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan penolakan Dengan menggunakan pelbagai strategi.	56
Cadangan Standard Prestasi bagi tajuk tolak.	63
4.3(i) Mengenal pasti anu yang melibatkan pendaraban dua nombor.	67
4.3(ii) Membentuk ayat matematik yang melibatkan situasi harian Pendaraban dua nombor.	73
4.3(iii) Menyelesaikan ayat matematik yang melibatkan anu dalam pendaraban dua nombor.	78
Cadangan Standard Prestasi bagi tajuk darab	84

## MUKA SURAT

5.2(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan pembahagian dua nombor dengan menggunakan pelbagai strategi.	88
5.3(i)	Mengenal pasti anu yang melibatkan pembahagian dua nombor.	95
5.3(ii)	i. Membentuk ayat matematik yang melibatkan situasi harian pembahagian dua nombor.	99
5.3(iii)	ii. Menentukan nilai anu bagi ayat matematik yang melibatkan pembahagian dua nombor.	
	Cadangan Standard Prestasi bagi tajuk bahagi.	105
6.3(i)	Menyelesaikan ayat matematik operasi bergabung yang melibatkan tanda kurung hasilnya dalam lingkungan 1 000 000.	109
7.2(ii)	Menolak sebarang dua nombor daripada satu nombor melibatkan nombor bulat, pecahan wajar dan nombor bercampur yang penyebutnya hingga 10.	114
10.7(i)	Menyelesaikan masalah harian termasuk menggunakan pelbagai instrumen pembayaran yang melibatkan penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian, gabungan operasi tambah dan tolak, gabungan operasi darab dan bahagi nilai wang.	119
10.8(i)	Menyatakan keperluan memahami faedah mudah dan faedah kompaun dalam simpanan.	133
10.8(ii)	Merancang bajet harian, mingguan dan bulanan bagi mencapai matlamat kewangan jangka pendek.	140
10.9(i)	Menyediakan rekod kewangan bagi mencapai matlamat kewangan.	151
<b>PERKAITAN DAN ALGEBRA</b>		
16.1(i)	Mengenal paksi- $x$ dan paksi- $y$ .	159
16.1(ii)	Menentukan koordinat bagi sesuatu titik pada sukuan pertama.	166
<b>STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN</b>		
18.1(i)	Mengenal mod, median, min dan julat daripada data yang diberi.	175
18.1(ii)	Menentukan mod, median, min dan julat hingga 10 data yang diberi.	182
<b>SENARAI PENYUMBANG</b>		191

## **PENDAHULUAN**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan melahirkan murid yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta menyediakan mereka untuk menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Matematik di peringkat sekolah rendah adalah satu mata pelajaran asas yang menegaskan kepada penguasaan bahasa matematik, kefahaman konsep, penguasaan kemahiran mengira, menaakul dan kemahiran menyelesaikan masalah serta penerapan nilai-nilai murni. Elemen kreativiti, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) perlu diterapkan melalui konteks yang sesuai bagi setiap standard pembelajaran.

Sebagai usaha panduan dan pencetus idea, modul pengajaran dan pembelajaran ini disediakan bagi membantu guru merealisasikan tuntutan dan hasrat KSSR melalui pendidikan matematik. Keberkesanan pelaksanaan KSSR memerlukan guru menghayati kehendak dan semangat pendidikan matematik seperti mana yang tersurat dalam dokumen KSSR Matematik dan diterjemahkan dalam modul ini. Adalah diharapkan modul ini dapat membantu guru melaksanakan kurikulum matematik yang dihasratkan dapat menyediakan murid yang lebih berdaya saing, membentuk insan yang seimbang dan dapat menyumbang kepada keharmonian serta kesejahteraan negara.

Modul ini memuatkan beberapa maklumat berhubung dengan senarai standard pembelajaran yang perlu diajar serta cadangan aktiviti dan latihan. Modul ini boleh diguna pakai sebagai pencetus idea. Namun begitu, guru juga boleh mengubah suai dan mengembangkan lagi aktiviti dan latihan yang dicadangkan.

Dalam proses penyediaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tahun 5, banyak pihak yang turut sama terlibat. Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga hingga terhasilnya modul ini, Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

## PENJELASAN MODUL

Modul ini merupakan panduan yang boleh diguna oleh guru di peringkat sekolah. Ia merupakan contoh yang boleh digunakan di dalam bilik darjah. **Pengubahsuaian boleh dilakukan** berdasarkan situasi persekitaran pembelajaran murid. Modul ini dibangunkan berdasarkan kepada empat fasa kreativiti yang menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.


## PENGGUNAAN MODUL



Standard minima yang perlu dicapai oleh setiap murid.



Cadangan latihan atau kerja bertulis yang boleh dilakukan.







KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

**MODUL PENGAJARAN  
DAN  
PEMBELAJARAN**

**MATEMATIK  
(Sekolah Kebangsaan)  
TAHUN 5**

**NOMBOR DAN OPERASI**

Terbitan



Bahagian Pembangunan Kurikulum

**2014**



**Bidang:** Nombor dan Operasi

**Tajuk:** Nombor bulat hingga 1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk :  
1.3. Nombor dalam bentuk pola



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk :  
i) Mengelaskan pola bagi urutan nombor genap dan nombor ganjil.

**Masa:** 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi								
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. <u>Permainan 5 minit nombor</u> Beberapa keping kad nombor dipaparkan di papan putih.</p> <p style="text-align: center;"><b>74 623 5 18 428</b></p> <p>b. Minta murid bahagikan setiap nombor di atas dengan 2.</p> <p>c. Minta murid memberi respon kepada soalan guru dengan mengaitkan tajuk pembelajaran iaitu pola nombor genap dan nombor ganjil.</p> <p><u>Catatan :</u> Nombor berbaki ialah nombor ganjil. Nombor tidak berbaki ialah nombor genap.</p>	<p>Selesaikan nombor yang diberi, bahagikan dengan nombor 2.</p> <p>1. Nombor manakah mempunyai baki?</p> <p>2. Nombor manakah tidak berbaki?</p>								
<p><b>2. Imaginasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p> <p>Sintesis Idea</p>	<p>a. Paparkan satu situasi seperti contoh di bawah:</p> <p>Satu bancian tentang golongan penduduk yang berpendapatan sederhana telah dilakukan di beberapa buah negeri oleh sebuah jabatan kerajaan. Hasil laporan adalah seperti dalam jadual berikut :</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Negeri</th> <th>Bilangan penduduk</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kedah</td> <td>490 000</td> </tr> <tr> <td>Perak</td> <td>520 000</td> </tr> <tr> <td>Kelantan</td> <td>480 000</td> </tr> </tbody> </table>	Negeri	Bilangan penduduk	Kedah	490 000	Perak	520 000	Kelantan	480 000	
Negeri	Bilangan penduduk									
Kedah	490 000									
Perak	520 000									
Kelantan	480 000									


## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

	<table border="1"><tbody><tr><td>Terengganu</td><td>510 215</td></tr><tr><td>Selangor</td><td>490 215</td></tr><tr><td>Kuala Lumpur</td><td>500 000</td></tr><tr><td>Negeri Sembilan</td><td>500 215</td></tr><tr><td>Melaka</td><td>510 000</td></tr><tr><td>Johor</td><td>480 215</td></tr></tbody></table> <p>b. Berdasarkan jadual, murid dibimbing mengelaskan pola bagi urutan nombor genap dan nombor ganjil menggunakan kaedah pelbagai strategi penyelesaian masalah.</p> <p><b>i. Membuat senarai secara bersistem.</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Susunkan pola nombor mengikut urutan menaik.</li><li>2. Kenal pasti nombor – nombor genap dan ganjil.</li><li>3. Asingkan mengikut kumpulan nombor.</li></ol> <p><b>Nombor genap</b> 480 000, 490 000, 500 000, 510 000, 520 000.</p> <p><b>Nombor ganjil</b> 480 215, 490 215, 500 215, 510 215</p> <ol style="list-style-type: none"><li>4. Murid mengulas hasil dapatan.</li></ol> <p><b>ii. Membina Graf</b></p> <p>Murid dibimbing membina graf menunjukkan pola nombor genap dan ganjil secara urutan. Sila rujuk Lampiran 1</p>	Terengganu	510 215	Selangor	490 215	Kuala Lumpur	500 000	Negeri Sembilan	500 215	Melaka	510 000	Johor	480 215	Susun ke semua nombor dalam jadual dari nombor terkecil ke nombor terbesar.
Terengganu	510 215													
Selangor	490 215													
Kuala Lumpur	500 000													
Negeri Sembilan	500 215													
Melaka	510 000													
Johor	480 215													
<b>3.Perkembangan</b> Penambahbaikan Simulasi	<p><u>Penyelesaian masalah</u></p> <p><b>Contoh soalan :</b></p> <p>Kerajaan Pusat sedang mengagihkan peruntukan buku – buku ke beberapa buah perpustakaan negeri. Jadual di bawah menunjukkan bilangan buku yang diperolehi setiap negeri.</p>	Murid berbincang bersama rakan kumpulan untuk memahami soalan.												


<p>Menilai</p>	<div style="display: flex; flex-wrap: wrap; justify-content: space-around;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri A 620 220</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri B 620 225</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri C 630 225</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri D 630 220</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri E 640 225</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri F 640 220</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri G 650 220</b> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: 45%; text-align: center;"> <b>Perpustakaan Negeri H 650 225</b> </div> </div> <p><b>Aktiviti Kumpulan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Murid diagihkan kepada beberapa kumpulan.</li> <li>2. Setiap kumpulan dibekalkan dengan satu soalan tersebut seperti contoh di bawah:</li> <li>3. Kamu perlu mengelaskan jumlah peruntukan buku – buku tersebut mengikut nombor ganjil dan nombor genap iaitu:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Pola turutan nombor : <b>Kumpulan 1</b></li> <li>ii) Garis nombor : <b>Kumpulan 2</b></li> <li>iii) Graf : <b>Kumpulan 3</b></li> </ol> </li> </ol>	<p>Laksanakan aktiviti kumpulan berdasarkan soalan berikut</p>
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>Edarkan Lembaran Kerja 1 secara individu.</p> <p>Bincangkan jawapan.</p>	<p>Selesaikan aktiviti pada lembaran kerja.</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan keupayaan murid dalam menjawab soalan di lembaran kerja dan secara lisan.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Bekerjasama, tolong menolong, berdikari dan berusaha.</p>	



### Pola Turutan Nombor Genap Mengikut Negeri



### Pola Turutan Nombor Ganjil Mengikut Negeri





Nama: \_\_\_\_\_  
 Tahun : \_\_\_\_\_

Jawab semua soalan.

A. Tuliskan semula nombor ganjil dan nombor genap di dalam jadual di bawah mengikut urutan menaik berdasarkan nombor-nombor yang diberi.

632 276	682 296	662 288
357 489	659 817	861 369
760 593	652 284	458 265
672 292	559 041	642 280

Nombor Genap	Nombor Ganjil
1)	1)
2)	2)
3)	3)
4)	4)
5)	5)
6)	6)

B. Berdasarkan nombor genap dan nombor ganjil di atas, kenal pasti pola urutan nombornya. Berikan 5 nombor sebelum nombor yang pertama berdasarkan polanya.

<b>Nombor Genap</b>					
---------------------	--	--	--	--	--

<b>Nombor Ganjil</b>					
----------------------	--	--	--	--	--





<p><b>2. Imaginasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p> <p>Sintesis Idea</p>	<p>a. Beberapa keping kad nombor dilekatkan di papan putih.</p> <p><b>Contoh :</b></p> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center;"> <div style="display: flex; gap: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">40 391</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">40 393</div> </div> <p>,</p> <div style="display: flex; gap: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">40 396</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">?</div> </div> <p>,</p> <div style="display: flex; gap: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">40 405</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">?</div> </div> <p>,</p> <div style="display: flex; gap: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">?</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">40 426</div> </div> <p>,</p> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px 15px;">?</div> <p>.</p> <p>b. Minta murid melengkapkan pola bagi turutan nombor – nombor yang dipaparkan dengan menggunakan kaedah polya.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Memahami turutan nombor itu.</li> <li>ii. Merancang strategi untuk menentukan pola nombor.</li> <li>iii. Melaksanakan strategi.</li> </ol> <math display="block">40\ 391 + 2 = 40\ 393</math> <math display="block">40\ 393 + 3 = 40\ 396</math> <math display="block">40\ 396 + 4 = 40\ 400</math> <math display="block">40\ 400 + 5 = 40\ 405</math> <math display="block">40\ 405 + 6 = 40\ 411</math> <math display="block">40\ 411 + 7 = 40\ 418</math> <math display="block">40\ 418 + 8 = 40\ 426</math> <math display="block">40\ 426 + 9 = 40\ 435</math> <ol style="list-style-type: none"> <li>iv. Membuat semakan.</li> </ol> <p>c. Ulang aktiviti b dengan nombor lain seperti contoh di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. 210 000, 220 000, ....., ....., 250 000.</li> <li>ii. ....., 321 015, 322 015, ....., 325 015</li> </ol> </div>	<p>Sebutkan nombor yang dipaparkan.</p>
---	---	---

<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambahbaikan</p> <p>Menilai</p>	<p><b>Aktiviti Berkumpulan.</b></p> <p>a. Agihkan murid kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki berbincang dan melaksanakan penyelesaian masalah menggunakan kaedah berbeza seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kaedah Polya</li> <li>ii. Jadual</li> <li>iii. Garis nombor</li> </ol> <p>a. Paparkan satu situasi seperti contoh di bawah:</p> <p>Sebuah kilang tin air minuman telah mengeluarkan sebanyak 48 220 tin air minuman pada bulan Januari. Pada bulan April, pengeluarannya berjumlah 510 220 manakala pada bulan Mei sebanyak 520 220. Jika jualan pada setiap bulan meningkat dengan bilangan yang sama, berapakah pengeluaran tin air minuman pada bulan Februari dan Mac ?</p> <p><u>Contoh Selesaikan Secara Jadual</u></p> <table border="1" data-bbox="492 1199 1032 1627"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Pengeluaran</th> <th>Beza</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Januari</td> <td>480 220</td> <td rowspan="3">} 10 000</td> </tr> <tr> <td>Februari</td> <td>?</td> </tr> <tr> <td>Mac</td> <td>?</td> </tr> <tr> <td>April</td> <td>510 220</td> <td rowspan="2">} 10 000</td> </tr> <tr> <td>Mei</td> <td>520 220</td> </tr> </tbody> </table> <p>a)</p> $  \begin{array}{r}  480\,220 \\  + \quad 10\,000 \\  \hline  490\,220 \\  + \quad 10\,000 \\  \hline  \underline{\underline{500\,220}}  \end{array}  $	Bulan	Pengeluaran	Beza	Januari	480 220	} 10 000	Februari	?	Mac	?	April	510 220	} 10 000	Mei	520 220	<p>Selesaikan soalan berikut samada kamu menggunakan kaedah polya, jadual atau garis nombor.</p>
Bulan	Pengeluaran	Beza															
Januari	480 220	} 10 000															
Februari	?																
Mac	?																
April	510 220	} 10 000															
Mei	520 220																

	$  \begin{array}{r}  \text{b)} \quad 510\,220 \\  - \quad 10\,000 \\  \hline  500\,220 \\  - \quad 10\,000 \\  \hline  \underline{\underline{490\,220}}  \end{array}  $ <p>Jawapannya:          Pengeluaran pada bulan Februari dan Mac masing – masing ialah sebanyak <u>490 220</u> dan <u>500 220</u>.</p>	
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>Edarkan Lembaran Kerja 2 secara individu</p> <p>Bincangkan jawapan</p>	<p>Selesaikan aktiviti pada lembaran kerja.</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan keupayaan murid dalam menjawab soalan di lembaran kerja dan secara lisan.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Bekerjasama, tolong menolong, berdikari dan berusaha.</p>	



Nama: \_\_\_\_\_  
Tahun : \_\_\_\_\_

A. Lengkapi rangkaian nombor di bawah mengikut polanya.

1) \_\_\_\_\_, 567 512, 578 664, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_.

2) \_\_\_\_\_, 472 193, \_\_\_\_\_, 520 633, 544 853.


3) \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, 264 777, 285 817, \_\_\_\_\_

4) 990 245, 910 245, 850 245, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, 790 245

5) \_\_\_\_\_, 345 694, 345 494, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_

B. Kepadatan penduduk di lima buah bandar di bawah telah disusun mengikut polanya. Lengkapi graf tersebut.

**Graf Kepadatan Penduduk di 5 Buah Bandar**



X = \_\_\_\_\_

y = \_\_\_\_\_

**Bidang:** Nombor dan Operasi  
**Tajuk:** Tambah dalam lingkungan 1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
 2.1 Mengaplikasi penambahan sebarang dua hingga lima nombor.



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
 (i) Menambah sebarang dua, tiga, empat dan lima nombor hingga enam digit hasil tambahnya hingga 1 000 000 dengan menggunakan pelbagai strategi termasuk membuat anggaran.

**Masa:** 90 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi																									
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Edar kad yang mengandungi ayat matematik tambah dan petak silangkata.</p> <p>b. Minta murid melengkapkan petak silangkata berdasarkan ayat yang diberi.</p> <p><b>Mencancang:</b></p> <p>i. <math>23\ 103 + 26\ 611 =</math></p> <p>ii. <math>3030 + \underline{\hspace{2cm}} + 13\ 040 = 26\ 070</math></p> <p>iii. <math>\underline{\hspace{2cm}} + 33\ 014 = 86\ 079</math></p> <p><b>Mengufuk:</b></p> <p>i. <math>30\ 000 + 13\ 125 =</math></p> <p>ii <math>20\ 000 + \underline{\hspace{2cm}} = 90\ 000</math></p> <p>iii <math>\underline{\hspace{2cm}} + 23 = 40\ 098</math></p> <div style="text-align: center;"> <table border="1" data-bbox="560 1329 1040 1703"> <tr> <td>1</td> <td></td> <td>2</td> <td></td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td style="background-color: red;"></td> <td></td> <td style="background-color: red;"></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="background-color: red;"></td> <td></td> <td style="background-color: red;"></td> <td></td> </tr> <tr> <td>5</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </table> </div>	1		2		3	4															5					<p>i. Cuba kamu perhatikan petak silangkata.</p> <p>ii. Lengkapkan.</p>
1		2		3																							
4																											
5																											

	<p>c. Bincangkan dengan murid cara yang digunakan untuk melengkapkan silang kata.</p>	
<p><b>2. Imajinasi</b> Penjanaan Idea Sintesis Idea</p>	<p>a. Tunjukkan strategi lain yang boleh dilakukan bagi menyelesaikan operasi tambah.</p> <p><math>400\ 375 + 346\ 223 =</math></p> <p><b>Membuat anggaran</b></p> <p><math>400\ 375 \longrightarrow 400\ 000</math>  <math>346\ 223 \longrightarrow 300\ 000</math></p> <p><math>400\ 000 + 300\ 000 = 700\ 000</math></p> <p>Menambah dalam bentuk cerakinan bagi mencari jawapan sebenar.</p> <p><math>400\ 000 + 00\ 000 + 0\ 000 + 300 + 70 + 5</math>  <math>300\ 000 + 40\ 000 + 6\ 000 + 200 + 20 + 3</math>  <math>700\ 000 + 40\ 000 + 6\ 000 + 500 + 90 + 8</math></p> <p style="text-align: right;"> <math display="block">\begin{array}{r} 700\ 000 \\ 40\ 000 \\ 6\ 000 \\ 500 \\ 90 \\ 8 \\ + \hline 746\ 598 \end{array}</math> </p> <p>b. Paparkan dua nombor</p> <p><math>54\ 119 + 13\ 254 =</math></p> <p>c. Selain daripada strategi penyelesaian yang biasa dilakukan, gunakan strategi lain bagi menyelesaikan operasi di atas.</p> <p><b>Tambah atau kurang 1:</b></p> <p><math display="block">\begin{array}{r} 54\ 119 \longrightarrow +1 \longrightarrow 54\ 120 \\ + 13\ 254 \longrightarrow -1 \longrightarrow 13\ 253 \\ \hline 67\ 373 \qquad \qquad \qquad 67\ 373 \end{array}</math></p> <p>d. Paparkan soalan di bawah dan minta murid menyelesaikannya.</p>	<p>i. Apakah yang dapat kamu perhatikan?</p> <p>ii. Apakah cara penyelesaian yang paling mudah?</p> <p>iii. Mengapa?</p> <p>iv. Lihat contoh penyelesaian yang lain, yang manakah lebih mudah?</p>

	<p>i. <math>399\,999 + 299\,999 + 199\,999 =</math>  ii. <math>199\,992 + 499\,993 + 19\,995 + 9\,996 =</math>  iii. <math>599\,998 + 49\,997 + 29\,999 + 5\,996 =</math></p> <p><b>Menambah mengikut nilai tempat:</b></p> $  \begin{array}{r}  1\ 2\ 3\ 4\ 5\ 6 \\  \phantom{1}\ 7\ 8\ 9\ 0 \\  \phantom{1}\ 1\ 2\ 3\ 2\ 5 \\  +\ 8\ 3\ 5\ 6\ 4\ 7 \\  \hline  0\ 6\ 2\ 1\ 1\ 8 \\  0\ 9\ 1\ 7\ 2\ 0 \\  \hline  9\ 7\ 9\ 3\ 1\ 8  \end{array}  $ <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p><b>Tambah sa:</b>  <math>6 + 0 + 5 + 7 = 18</math></p> <p><b>Tambah puluh:</b>  <math>5\ \text{puluh} + 9\ \text{Puluh} + 2\ \text{puluh} + 4\ \text{puluh} = 20\ \text{puluh}</math></p> <p><b>Tambah ratus:</b>  <math>4\ \text{ratus} + 8\ \text{ratus} + 3\ \text{ratus} + 6\ \text{ratus} = 21\ \text{ratus}</math></p> <p><b>Tambah ribu:</b>  <math>3\ \text{ribu} + 7\ \text{ribu} + 2\ \text{ribu} + 5\ \text{ribu} = 17\ \text{ribu}</math></p> <p><b>Tambah puluh ribu:</b>  <math>2\ \text{puluh ribu} + 1\ \text{puluh ribu} + 3\ \text{puluh ribu} = 6\ \text{puluh ribu}</math></p> <p><b>Tambah ratus ribu:</b>  <math>1\ \text{ratus ribu} + 8\ \text{ratus ribu} = 9\ \text{ratus ribu}</math></p> <p><b>Hasilnya:</b>  <math>979\,318</math></p> </div> <p>d. Ulang aktiviti dengan contoh yang lain melibatkan penambahan hingga lima nombor enam digit.</p>	
<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambahbaikan</p> <p>Menilai</p>	<p>a. Bentuk beberapa kumpulan. Wakil kumpulan mengambil kad soalan di dalam kotak yang disediakan.</p> <p>b. Murid berbincang dalam kumpulan. Kumpulan yang dapat menjawab dengan pantas dan betul dengan menggunakan sebarang strategi dikira pemenang.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px; width: fit-content;"> <math>125\,367 + 78\,423 =</math> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px; width: fit-content;"> <math>37\,825 + 437\,516 =</math> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px; width: fit-content;"> <math>754\,283 + 154\,887 =</math> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content;"> <math>671\,652 + 23\,231 =</math> </div>	<p>i. Bincangkan dalam kumpulan dan jawab soalan yang diberi.</p>

**NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5**

---

<b>4. Tindakan</b>  Pelaksanaan Amalan berterusan	a. Edarkan Lembaran Kerja 3 kepada setiap murid. b. Bincangkan hasil kerja murid.	i. Selesaikan tugas yang diberi.
<b>Pentaksiran</b>	Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di Lembaran Kerja 1, murid perlu betul kesemua soalan yang diberi sebelum bergerak ke kemahiran berikutnya.	
<b>Nilai dan Sikap</b>	Bertanggungjawab, bekerjasama	





Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

1) Diberi lapan nombor yang berikut:

175 456

78 695


267 826

217 035

171 065

129 486

Isikan nombor-nombor di atas ke dalam rajah yang berikut supaya hasil tambah setiap tiga nombor pada setiap baris ialah 563 256. Gunakan setiap nombor sekali sahaja.



**NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5**

---

2) Tambahkan.

a) $130\,625 + 412\,815 + 3\,307 =$	b) $581\,436 + 418 + 270\,279 =$
c) $403\,816 + 136\,728 + 7\,288 =$	d) $271\,354 + 48\,170 + 3\,369 + 82 =$
e) $563\,196 + 316\,602 + 4\,768 + 439 + 5 =$	f) $78\,572 + 624\,187 + 3\,071 + 696 + 114\,495 =$
g) $6\,593 + 365\,429 + 45\,999 + 18 + 725 =$	h) $364 + 400\,512 + 26\,000 + 59 + 7\,492 =$

3) Selesaikan seperti contoh yang diberi.

	Soalan asal		
	<p>Contoh</p> $\begin{array}{r} 499\,999 \\ 29\,998 \\ + \quad 6\,995 \\ \hline \end{array}$	$\begin{array}{r} + 1 \\ + 2 \\ - 3 \end{array}$	$\begin{array}{r} 500\,000 \\ 30\,000 \\ + \quad 6\,992 \\ \hline 536\,992 \end{array}$
1	$\begin{array}{r} 340\,200 \\ 532\,900 \\ + \quad 25\,435 \\ \hline \end{array}$		
2	$\begin{array}{r} 652\,746 \\ 325\,207 \\ + \quad \quad 35 \\ \hline \end{array}$		
3	$\begin{array}{r} 420\,630 \\ 52\,260 \\ 3\,100 \\ + \quad \quad \quad 7 \\ \hline \end{array}$		
4	$\begin{array}{r} 63\,433 \\ 23\,942 \\ + \quad 2\,622 \\ \hline \end{array}$		
5	$\begin{array}{r} 163\,436 \\ 622\,545 \\ + \quad 202\,001 \\ \hline \end{array}$		

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

---


4) Selesaikan secara cerakinan.

	Contoh
	$120\,328 + 311\,412 + 13 =$ $\begin{array}{r} 100\,000 + 20\,000 + 0\,000 + 300 + 20 + 8 \\ 300\,000 + 10\,000 + 1\,000 + 400 + 10 + 2 \\ \hline 10 + 3 \\ = 400\,000 + 30\,000 + 1\,000 + 700 + 40 + 13 \\ = 400\,000 + 30\,000 + 1\,000 + 700 + 50 + 3 \\ = \underline{431\,753} \end{array}$
1	$45\,314 + 221\,430 + 703\,254 =$
2	$26 + 383\,620 + 3\,303 =$
3	$421\,316 + 235 + 567\,422 =$

4	$643\ 025 + 2\ 182 + 254\ 590 + 271 =$
5	$630 + 505\ 942 + 30\ 214 + 503 =$
6	$4\ 003 + 338\ 534 + 227\ 240 + 536\ 120 =$
7	$554\ 126 + 22\ 085 + 304\ 736 =$

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

---

- Bidang:** Nombor dan Operasi
- Tajuk:** Tambah dalam lingkungan 1 000 000.
- Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
2.1 Penambahan sebarang dua hingga lima nombor.
-  **Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
ii. Menyelesaikan ayat matematik yang melibatkan anu dalam penambahan hingga tiga nombor.
- Masa:** 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<b>1. Persediaan</b>  Pemerhatian dan Analisis	<p>a. Wujudkan situasi seperti contoh di bawah:</p> <p>Dalam sebuah balang terdapat 10 biji guli merah, 15 biji guli biru dan bakinya guli berwarna putih. Terdapat 45 biji guli di dalam balang tersebut. Berapakah bilangan guli berwarna putih di dalam balang itu?</p> <p>b. Minta murid memahami situasi yang diberi.</p> <p>c. Bincangkan situasi yang dibentangkan dan minta murid membentuk ayat matematik bagi soalan yang diberi.</p> $10 + 15 + \underline{\quad} = 45$ <p>d. Ulang aktiviti di atas dengan menggunakan situasi yang lain.</p>	
<b>2. Imajinasi</b>  Penjanaan Idea  Sintesis Idea	<p>a. Bentuk kumpulan tiga-tiga.</p> <p>b. Setiap kumpulan dibekalkan dengan keratan nombor dan kad operasi tambah.</p>	

	<p style="text-align: center;"><b>Keratan Nombor</b></p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th colspan="3">Kombinasi Nombor</th> <th>Hasil Tambah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>333</td> <td>1 242</td> <td>50 000</td> <td>999</td> </tr> <tr> <td>100 000</td> <td>241</td> <td>425</td> <td>76 996</td> </tr> <tr> <td>2 341</td> <td>200 000</td> <td>73 413</td> <td>350 000</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><b>Kad Operasi Tambah</b></p> <div style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 0 auto;"> <input type="text"/> + <input type="text"/> + <input type="text"/> = <input type="text"/> </div> <p>c. Minta murid memotong keratan nombor dalam kumpulan masing-masing.</p> <p>d. Minta murid menyusun keratan nombor pada kad operasi tambah dengan meletakkan dua daripada nombor pada operasi tambah yang diberi. Contoh:</p> <div style="text-align: center; border: 1px solid blue; padding: 5px; width: fit-content; margin: 0 auto;"> <input type="text" value="1242"/> + <input type="text" value="73 413"/> + <input type="text"/> = <input type="text" value="350 000"/> </div> <p>e. Minta murid menunjukkan ayat matematik yang dibina dan minta kumpulan lain menyelesaikannya.</p> <p>f. Ulang aktiviti di atas sehingga semua kumpulan berjaya membentuk ayat matematik dari keratan nombor yang diberi dan kumpulan lain berjaya menyelesaikan ayat matematik yang terbentuk.</p>	Kombinasi Nombor			Hasil Tambah	333	1 242	50 000	999	100 000	241	425	76 996	2 341	200 000	73 413	350 000	<p>Bentuk ayat matematik seperti contoh yang diberi.</p>
Kombinasi Nombor			Hasil Tambah															
333	1 242	50 000	999															
100 000	241	425	76 996															
2 341	200 000	73 413	350 000															
<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambahbaikan</p> <p>Menilai</p>	<p>a. Sediakan 1 sampul merah yang mengandungi kad nombor, 1 kad imbasan kuning, 1 kad imbasan hijau, dan kad operasi tambah.</p> <p>b. Tampilkan kad-kad tersebut di papan hitam dan tuliskan ayat matematik yang tidak lengkap seperti contoh di bawah:</p>	<p>i. Lihat ayat matematik di papan hitam.</p> <p>ii. Cuba teka nombor bagi mewakili sampul merah.</p> <p>iii. Lihat jawapan di</p>																

	<div data-bbox="472 233 1101 342" style="border: 1px solid black; background-color: #ADD8E6; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <math>100\ 000 + \text{[Red Envelope]} + 200\ 000 = 500\ 000</math> </div> <p>c. Minta murid meneka nombor bagi mewakili sampul merah.</p> <p>d. Bimbing murid cara untuk melengkapkan ayat matematik tersebut.</p> <p>(Operasi tolak berturut-turut boleh digunakan)</p> <p>e. Edarkan bahan di langkah 'a' kepada setiap kumpulan.</p> <p>f. Tuliskan ayat matematik di papan hitam.</p> <p>Contoh:</p> <div data-bbox="453 1031 1109 1140" style="border: 1px solid black; background-color: #ADD8E6; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <math>35\ 420 + \text{[Red Envelope]} + 236\ 917 = 589\ 725</math> </div> <p>g. Minta murid menulis ayat matematik di atas kad imbasan dan melengkapkan tempat kosong di sampul merah.</p> <p>h. Wakil kumpulan menyemak jawapan di dalam sampul merah.</p> <p>i. Ulang langkah 'f', 'g' dan 'h' dengan kedudukan sampul merah yang berbeza dan ayat matematik yang lain.</p> <p>Contoh:</p> <div data-bbox="459 1577 1117 1686" style="border: 1px solid black; background-color: #ADD8E6; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <math>\text{[Red Envelope]} + \text{[Yellow Box]} + \text{[Yellow Box]} = \text{[Green Box]}</math> </div> <div data-bbox="459 1717 1117 1827" style="border: 1px solid black; background-color: #ADD8E6; padding: 5px;"> <math>\text{[Yellow Box]} + \text{[Yellow Box]} + \text{[Red Envelope]} = \text{[Green Box]}</math> </div>	<p>dalam sampul merah.</p> <p>iv. Mari kita cuba selesaikan bersama-sama.</p> <p>v. Susun kad imbasan dan sampul di atas kad operasi tambah.</p> <p>vi. Salin ayat matematik yang tidak lengkap di papan hitam ke atas kad imbasan.</p> <p>vii. Bincangkan dalam kumpulan nombor yang tertinggal dan tuliskan di atas sampul merah.</p> <p>viii. Semak jawapan kamu dengan kad nombor yang terdapat di dalam sampul merah.</p> <p>ix. Jika jawapan anda kurang tepat, mari kita selesaikan bersama-sama.</p>
--	---	--



<b>4. Tindakan</b> Pelaksanaan Amalan Berterusan	a. Edarkan lembaran kerja kepada setiap murid. b. Bincangkan hasil kerja murid	i. Selesaikan lembaran kerja yang diberi.
<b>Pentaksiran</b>	Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di Lembaran Kerja, murid telah menguasai kemahiran yang telah diajar dan bersedia untuk bergerak ke kemahiran berikutnya.	
<b>Nilai dan Sikap</b>	Bekerjasama, mendengar arahan, berani mencuba.	



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Selesaikan.

1.  $346 + \square + 402 = 2\,879$

2.  $4\,105 + 1\,241 + \square = 6\,989$

3.  $\square + 24\,531 + 60\,312 = 89\,979$

4.  $321\,434 + 3\,102 + \square = 369\,897$

5.  $45\,223 + \square + 620\,412 = 896\,989$



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Selesaikan masalah di bawah.

1.  $2\,048 + x + 719 = 5\,988$   
Cari nilai  $x$ .

2.  $y + 4\,273 + 1\,087 = 8\,965$   
Cari nilai  $y$ .

3.  $24\,135 + 2\,745 + a = 68\,248$   
Cari nilai  $a$ .

4.  $49\,173 + b + 11\,947 = 93\,686$   
Cari nilai  $b$ .

5.  $m + 238\,115 + 467\,703 = 848\,215$   
Cari nilai  $m$ .

6.  $342\,968 + 465\,347 + n = 983\,498$   
Cari nilai  $n$ .



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Selesaikan.

Contoh:

$$386 + \boxed{472} + 124 = 982$$

$$\begin{array}{r} 9 \quad \cancel{8} \quad \cancel{2} \\ - 1 \quad 2 \quad 4 \\ \hline 8 \quad 5 \quad 8 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 8 \quad \cancel{5} \quad 8 \\ - 3 \quad 8 \quad 6 \\ \hline 4 \quad 7 \quad 2 \end{array}$$

1.  $2\,635 + 432 + \boxed{\phantom{000}} = 4\,645$

2.  $\boxed{\phantom{00000}} + 48 + 24\,635 = 38\,158$

3.  $247\,958 + \boxed{\phantom{00000}} + 14\,142 = 265\,364$

4.  $137\,296 + 62\,413 + a = 543\,586$ . Cari nilai  $a$ .

5.  $y + 476\,805 + 64\,719 = 786\,915$ . Cari nilai  $y$ .

6.  $432\,425 + m + 351\,243 = 999\,999$ . Apakah nilai  $m$ ?

7.  $372\,849 + 235\,461 + n = 956\,510$ . Tentukan nilai  $n$ .

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

**Bidang:** Nombor dan Operasi  
**Tajuk:** Tambah dalam lingkungan 1 000 000  
**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
2.2 Penyelesaian Masalah



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
i Menyelesaikan masalah harian melibatkan penambahan hingga tiga nombor dengan menggunakan pelbagai strategi.

**Masa:** 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi						
<b>1. Persediaan</b>  Pemerhatian dan Analisis	<p>a. Paparkan kad pernyataan seperti berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 20px; padding: 10px; background-color: #e0ffe0;"><p>Puan Rohaiza ingin membuat sebiji kek lapis. Bancuhan tepung bagi setiap lapis adalah seperti berikut:</p><table border="1" style="margin: 10px auto;"><thead><tr><th>Lapisan 1</th><th>Lapisan 2</th><th>Lapisan 3</th></tr></thead><tbody><tr><td>100g</td><td>0.4 daripada Lapisan 1</td><td>3 kali ganda Lapisan 2</td></tr></tbody></table><p>Berapakah jumlah bancuhan tepung yang diperlukan untuk</p></div> <p>b. Minta murid baca kad pernyataan yang ditunjukkan.</p>	Lapisan 1	Lapisan 2	Lapisan 3	100g	0.4 daripada Lapisan 1	3 kali ganda Lapisan 2	<p>i. Sila baca pernyataan berikut.</p>
Lapisan 1	Lapisan 2	Lapisan 3						
100g	0.4 daripada Lapisan 1	3 kali ganda Lapisan 2						

2. Imajinasi

Penjanaan Idea

a. Jelaskan:

Lapisan 1 = 100g



Lapisan 2 = 0.4 daripada Lapisan 1

Lapisan 3 = 3 kali ganda Lapisan 2

Semua lapisan = Lapisan 1, Lapisan 2 dan Lapisan 3

Sintesis Idea


b. Memberikan penerangan menggunakan kaedah gambarajah.



i. Lapisan 1 bersamaan 100g


ii. Lapisan 2 bersamaan 40g

$$0.4 \times 100g = 40g$$

	<div data-bbox="451 235 1003 596" style="border: 1px solid black; padding: 10px; background-color: #ADD8E6;"> <p style="text-align: center;"><b>LAPISAN 3</b></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 5px; width: 40px; text-align: center;">40 g</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 5px; width: 40px; text-align: center;">40 g</div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 5px; width: 40px; text-align: center;">40 g</div> </div> <p style="text-align: center; margin-top: 10px;">120 g</p> </div> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  </div> <p style="margin-top: 20px;"><i>Nota:</i> Gunakan paparan <a href="#">slaid</a> yang dilampirkan</p>	<p>iii. Lapisan 3 bersamaan 120g</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 5px 0; width: fit-content;"> <math>40g \times 3 = 120g</math> </div> <p>iv. Jumlah bagi keseluruhan lapisan ialah 260g.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 5px 0; width: fit-content;"> <math>100g + 40g + 120g = 260g</math> </div>
<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambahbaikan</p>	<p>a. Paparkan kad pernyataan:</p> <div style="border: 2px solid purple; border-radius: 20px; padding: 15px; background-color: #FF00FF; margin: 10px 0;"> <p style="color: white; text-align: center;">Terdapat 68 408 buku fiksyen di dalam perpustakaan. Bilangan buku bukan fiksyen adalah 34 849 buah buku lebih daripada jumlah buku fiksyen. Manakala bilangan buku Karya Agung adalah 12 156 buah buku lebih daripada jumlah buku fiksyen dan bukan fiksyen. Berapakah jumlah keseluruhan buku-buku tersebut?</p> </div>	



<p>Menilai</p>	<p>b. Minta murid baca kad pernyataan yang ditunjukkan.</p> <p>c. Jelaskan:</p> <div data-bbox="505 394 1078 898" style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #333; color: #fff;"> <p><b>Maklumat yang diperolehi:</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Fiksyen</td> <td style="padding: 2px;">68 408</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Bukan fiksyen</td> <td style="padding: 2px;">34 849 lebih daripada fiksyen</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Karya Agung</td> <td style="padding: 2px;">12 156 lebih daripada jumlah fiksyen dan bukan fiksyen</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Jumlah</td> <td style="padding: 2px;">Fiksyen, bukan fiksyen dan Karya Agung</td> </tr> </table> </div> <p>d. Memberikan penerangan menggunakan gambarajah.</p> <div data-bbox="505 1050 1078 1192" style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #663399; color: #fff; text-align: center;"> <p><b><u>FIKSYEN</u></b></p> <p>68 408 buah buku</p> </div> <div data-bbox="505 1209 1078 1514" style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #339933; color: #fff; text-align: center;"> <p><b><u>BUKAN FIKSYEN</u></b></p> <p>68 408 buah buku</p> <p style="text-align: center;">↓ lebih 34 849</p> <p style="text-align: center;">?</p> </div> <div data-bbox="505 1530 1078 1885" style="border: 1px solid black; padding: 5px; background-color: #ff66cc; color: #fff; text-align: center;"> <p><b><u>KARYA AGUNG</u></b></p> <p>Fiksyen dan Bukan Fiksyen</p> <p style="text-align: center;">↓ lebih 12 156</p> <p style="text-align: center;">?</p> </div>	Fiksyen	68 408	Bukan fiksyen	34 849 lebih daripada fiksyen	Karya Agung	12 156 lebih daripada jumlah fiksyen dan bukan fiksyen	Jumlah	Fiksyen, bukan fiksyen dan Karya Agung	<p>i. Sila baca pernyataan ini.</p> <p>ii. Dapatkan maklumat daripada pernyataan.</p> <p>iii. Buku fiksyen bersamaan dengan 68 408</p> <p>iv. Buku Bukan Fiksyen bersamaan dengan 103 257</p> <div data-bbox="1130 1457 1430 1549" style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> <math display="block">68\ 408 + 34\ 849 = 103\ 257</math> </div> <p>v. Karya Agung bersamaan dengan 183 821</p> <div data-bbox="1130 1724 1430 1816" style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content;"> <math display="block">68\ 408 + 103\ 257 + 12\ 156 = 183\ 821</math> </div>
Fiksyen	68 408									
Bukan fiksyen	34 849 lebih daripada fiksyen									
Karya Agung	12 156 lebih daripada jumlah fiksyen dan bukan fiksyen									
Jumlah	Fiksyen, bukan fiksyen dan Karya Agung									

	 <p style="text-align: center;"><b>JUMLAH BESAR</b></p> <p style="text-align: center;">Fiksyen dan Bukan Fiksyen dan Karya Agung</p>	<p>vi. Jumlah semua buku bersamaan dengan 355 486</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 10px auto;"> <math display="block">68\ 408 + 103\ 257 + 12\ 156 + 183\ 821 = 355\ 486</math> </div>
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>a. Edarkan Lembaran Kerja 7 kepada setiap murid.</p> <p>b. Pastikan murid menyelesaikan masalah mengikut langkah demi langkah dengan betul berdasarkan kaedah yang dipilih.</p> <p>c. Bimbing murid dalam proses menyelesaikan masalah.</p> <p>d. Murid diberikan penegasan.</p> <p>e. Bincangkan hasil kerja murid.</p>	<p>i. Selesaikan tugas yang diberi.</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di Lembaran Kerja 7.</p> <p>Murid perlu menjawab dengan betul kesemua soalan sebelum beralih kepada kemahiran berikutnya.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Terapkan nilai bekerjasama dan berani dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.</p>	



Lembaran Kerja 7

Selesaikan soalan berikut:

1. Jadual di bawah menunjukkan bilangan roti yang dihasilkan oleh sebuah kilang dalam tempoh sebulan.

Jenis Roti	Bilangan
Roti Coklat	37 490
Roti Vanila	3 240 lebih daripada Roti Coklat
Roti Pandan	24 300

- a. Berapakah jumlah bilangan roti yang dihasilkan oleh kilang itu?

- b. Hitung bilangan roti yang dihasilkan dalam tempoh 3 bulan.

2. Encik Maniam membelanjakan sejumlah wang untuk membeli kelengkapan sekolah anak-anaknya.

Item	Harga Seunit	Kuantiti	Jumlah
Baju Sekolah	RM41	6	RM246
Stokin	RM10	6	
Kasut Sekolah		3	
		Jumlah Besar	RM411

Lengkapkan jadual di atas.

3. Sebuah kilang telah mengeluarkan 120 732 buah kereta 112 095 buah kereta dan 138 323 buah kereta untuk tiga hari berturut-turut. Berapakah jumlah kereta yang dikeluarkan dalam tiga hari itu?

4. Terdapat 368 408 buku fiksyen di dalam perpustakaan. Bilangan buku bukan fiksyen adalah 849 buah buku lebih daripada jumlah buku fiksyen. Manakala bilangan buku Karya Agung adalah 156 buah. Berapakah jumlah keseluruhan buku-buku itu?

5. Jadual berikut menunjukkan bilangan wang kertas Zafran.

Wang kertas	Kuantiti
RM10	120
RM 5	50
RM 1	200

Hitung jumlah wang Zafran ada.


6. Jadual di bawah ialah jadual yang tidak lengkap menunjukkan keuntungan bagi tiga buah kedai.

Kedai	Keuntungan
P	RM24 101 .60
Q	RM 19 902.40
R	

Jumlah keuntungan bagi tiga kedai tersebut ialah RM60 438.50. Berapakah keuntungan bagi kedai R?

CADANGAN STANDARD PRESTASI

TAHAP PENGUASAAN	CADANGAN SOALAN STANDARD PRESTASI																		
1	<p>A. Baca ayat matematik berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <math>3\ 517 + 4\ 362 =</math></li> <li>2. <math>52\ 871 + 6\ 123 =</math></li> <li>3. <math>96\ 718 + 3\ 281 =</math></li> <li>4. <math>4\ 928 + 42\ 5071 =</math></li> <li>5. <math>485 + 879\ 502 =</math></li> </ol> <p>B. Selesaikan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <math display="block">\begin{array}{r} 7\ 6\ 3\ 4\ 8 \\ +\ 3\ 5\ 3\ 1 \\ \hline \end{array}</math></li> <li>2. <math display="block">\begin{array}{r} 5\ 4\ 3 \\ +\ 2\ 3\ 4\ 6 \\ \hline \end{array}</math></li> <li>3. <math display="block">\begin{array}{r} 6\ 0\ 3\ 7\ 8 \\ +\ 2\ 0\ 2\ 5\ 3 \\ \hline \end{array}</math></li> <li>4. <math>4\ 376 + 523 =</math></li> <li>5. <math>80\ 354 + 9\ 635 =</math></li> <li>6. <math>1\ 935 + 27\ 051 =</math></li> </ol>																		
2	<p>A. Berapakah bilangan digit bagi hasil tambah di bawah</p> <table border="1" data-bbox="444 1150 1456 1814"> <thead> <tr> <th data-bbox="444 1150 548 1255">Bil</th> <th data-bbox="548 1150 992 1255">Soalan</th> <th data-bbox="992 1150 1456 1255">Kemungkinan bilangan digit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="444 1255 548 1371">1</td> <td data-bbox="548 1255 992 1371"><math>5\ 438 + 7\ 561 =</math></td> <td data-bbox="992 1255 1456 1371">5 digit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1371 548 1486">2</td> <td data-bbox="548 1371 992 1486"><math>596 + 97\ 634 =</math></td> <td data-bbox="992 1371 1456 1486"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1486 548 1602">3</td> <td data-bbox="548 1486 992 1602"><math>735\ 498 + 59 =</math></td> <td data-bbox="992 1486 1456 1602"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1602 548 1717">4</td> <td data-bbox="548 1602 992 1717"><math>461\ 287 + 4\ 392 =</math></td> <td data-bbox="992 1602 1456 1717"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1717 548 1814">5</td> <td data-bbox="548 1717 992 1814"><math>52\ 498 + 5\ 734 =</math></td> <td data-bbox="992 1717 1456 1814"></td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Soalan	Kemungkinan bilangan digit	1	$5\ 438 + 7\ 561 =$	5 digit	2	$596 + 97\ 634 =$		3	$735\ 498 + 59 =$		4	$461\ 287 + 4\ 392 =$		5	$52\ 498 + 5\ 734 =$	
Bil	Soalan	Kemungkinan bilangan digit																	
1	$5\ 438 + 7\ 561 =$	5 digit																	
2	$596 + 97\ 634 =$																		
3	$735\ 498 + 59 =$																		
4	$461\ 287 + 4\ 392 =$																		
5	$52\ 498 + 5\ 734 =$																		

<p>3</p>	<p>A. Selesaikan</p> <p>1. <math display="block">\begin{array}{r} 243 \\ 6784 \\ + \quad 525 \\ \hline \end{array}</math></p> <p>2. <math display="block">\begin{array}{r} 24 \\ 506 \\ 4987 \\ + 345678 \\ \hline \end{array}</math></p> <p>3. <math display="block">\begin{array}{r} \boxed{\phantom{00000}} \\ 7963 \\ \hline 564983 \end{array}</math></p> <p>4. <math display="block">\begin{array}{r} 5796 \\ \boxed{\phantom{00000}} \\ \hline \end{array}</math></p> <p>5. <math>549 + 34793 + \boxed{\phantom{00000}} = 59347</math></p> <p>6. </p> <p>Rajah menunjukkan sebuah segitiga. Tentukan nilai P dan Q supaya jumlah tiga nombor pada setiap sisi segitiga itu adalah sama.</p>
<p>4</p>	<p>A. Selesaikan;</p> <p>1 Di dalam sebuah perpustakaan terdapat 65 832 buah buku dalam Bahasa Melayu. Bilangan buku dalam Bahasa Inggeris adalah 5 207 lebih daripada buku dalam Bahasa Melayu. Berapakah jumlah buku dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.</p> <div data-bbox="1133 1591 1461 1881" style="border: 1px solid black; width: 200px; height: 138px; margin-left: auto; margin-right: auto;"></div>



	<p>2 Seorang penternak memelihara ayam, itik dan kambing. Bilangan ayam ialah 24 506 ekor. Bilangan itik adalah 2 184 ekor lebih daripada bilangan ayam. Bilangan kambing adalah 3 896 ekor daripada bilangan itik. Berapakah jumlah ternakan itu?</p> <p>3 Rita dan Rini masing-masing ada 20 509 dan 25 163 keping setem. Ahmad memberi setiap orang 30 654 keping setem lagi. Berapakah jumlah setem Rita dan Rini kesemuanya?</p> <p>4 Sebuah kotak berisi 43 165 biji manik merah, 180 045 biji manik biru dan beberapa manik hijau. Jika jumlah manik di dalam kotak itu ialah 230 452 biji, berapakah bilangan manik hijau?</p>	
<p>5</p>	<p>1. Sekolah A mempunyai 2 408 orang murid. Sekolah B mempunyai 500 orang murid lebih daripada sekolah A manakala sekolah C mempunyai 1077 orang murid. Hitung jumlah murid bagi ketiga-tiga sekolah itu.</p> <p>Ayat matematiknya:</p> $2408 + 2408 + 500 + 1077 =$ <p>Pelbagai Strategi:</p> <p>1. Cara biasa:</p> $\begin{array}{r} 1 \quad 2 \\ 2 \quad 4 \quad 0 \quad 8 \\ 2 \quad 4 \quad 0 \quad 8 \\ \quad 5 \quad 0 \quad 0 \\ 1 \quad 0 \quad 7 \quad 7 \\ \hline 6 \quad 3 \quad 9 \quad 3 \end{array}$ <p>2. Palang (kumpul 10)</p> $\begin{array}{r} 1 \quad 2 \\ 2 \quad 4 \quad 0 \quad 8 \\ 2 \quad 4 \quad 0 \quad \cancel{8} \\ \quad \cancel{5} \quad 0 \quad 0 \\ 1 \quad 0 \quad 7 \quad \cancel{7} \\ \hline 6 \quad 3 \quad 9 \quad 3 \end{array}$	

	<p>3. Cara cerakinan</p> $  \begin{array}{r}  2\ 0\ 0\ 0\ + \\  2\ 0\ 0\ 0\ + \\  \quad \quad \quad 5\ 0\ 0 \\  \hline  1\ 0\ 0\ 0\ + \\  5\ 0\ 0\ 0\ + \\  6\ 0\ 0\ 0\ +  \end{array}  \begin{array}{r}  4\ 0\ 0\ + \\  4\ 0\ 0\ + \\  \quad \quad \quad 0 \\  0\ + \\  1\ 3\ 0\ 0\ + \\  3\ 0\ 0\ +  \end{array}  \begin{array}{r}  0\ 0\ + \\  0\ 0\ + \\  7\ 0\ + \\  7\ 0\ + \\  9\ 0\ +  \end{array}  \begin{array}{r}  8 \\  8 \\  7 \\  2\ 3 \\  3  \end{array}  $ <p>Hasilnya: 6393</p>																						
<p>6</p>	<table border="1" data-bbox="623 558 1263 701" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <th colspan="2">Harga Tiket <i>Disney On Ice</i></th> </tr> <tr> <th>Dewasa</th> <th>Kanak-kanak</th> </tr> <tr> <td>RM 325</td> <td>RM 150</td> </tr> </table> <p>Jadual di atas menunjukkan harga tiket bagi dewasa dan kanak-kanak untuk persembahan <i>Disney On Ice</i>. Sejumlah dana bernilai sebanyak RM120 000 telah berjaya dikutip untuk membawa anak-anak yatim menyaksikan persembahan tersebut.</p> <p>Jika guru pengiring adalah seramai 10 orang maka nyatakan jumlah murid (seramai mungkin) yang boleh menyaksikan persembahan itu.</p> <p>Berapa buah basakah yang diperlukan untuk membawa kesemua mereka? Jelaskan rasional anda.</p> <p><i>Kemungkinan jawapan:</i> (Jawapan berdasarkan rasional yang diberi oleh murid) Jika bas ekspres dipilih, boleh memuatkan 40 orang penumpang (tambah seorang guru pengiring) Dengan andaian (seramai mungkin) maka hanya seorang guru pengiring untuk setiap bas. Maka bas yang diperlukan ialah sebanyak 10 buah bas kerana ada 10 orang guru pengiring.</p> <p>Harga tiket untuk guru pengiring, <math>RM325 \times 10 = \underline{RM3250}</math>. Oleh itu 40 murid <math>\times 10</math> bas = 400 murid. Harga tiket untuk murid, <math>RM150 \times 400 = \underline{RM60\ 000}</math>. Sewaan bas, <math>RM800 \times 10</math> bas = <u>RM8 000</u>.</p> <p>Jumlah keseluruhan perbelanjaan, <math>RM3\ 250 + RM60\ 000 + RM8\ 000 = \underline{RM\ 71\ 250}</math>. Dana yang ada, RM 120 000. Maka baki yang tinggal, <math>RM\ 120\ 000 - RM\ 71\ 250 = \underline{RM\ 48\ 750}</math>. Baki ini boleh disimpan untuk tujuan-tujuan yang lain. (Cara lain seperti gambar rajah juga boleh mencari jawapan)</p>	Harga Tiket <i>Disney On Ice</i>		Dewasa	Kanak-kanak	RM 325	RM 150
Harga Tiket <i>Disney On Ice</i>							
Dewasa	Kanak-kanak						
RM 325	RM 150						

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

**Bidang:** Nombor Dan Operasi

**Tajuk:** Bahagi hingga 1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
5.2 Penyelesaian Masalah




**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
(i) Menyelesaikan masalah harian melibatkan pembahagian dua nombor dengan menggunakan pelbagai strategi.

**Masa:** 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<b>1. Persediaan</b>  Pemerhatian dan Analisis	<p>a. Sesi bercerita</p> <p>Pak Mail seorang nelayan. Setiap hari dia pergi menangkap ikan di sungai. Hasil tangkapan itu diberikan kepada isterinya, kemudian isterinya memasukkan hasil tangkapan Pak Mail itu ke dalam 4 buah bekas.</p> <p>Berapakah bilangan ikan dalam setiap bekas jika.</p> <p>a) Hasil tangkapannya ialah 24 ekor? b) Hasil tangkapannya ialah 16 ekor?</p> <p>b. Hasil dapatan ditunjukkan. c. Soal jawab mengenai cara lain yang sesuai untuk menyelesaikan soalan penyelesaian masalah. d. Strategi lain gambarajah, unitari, pola dan simulasi</p>	

<p><b>2. Imajinasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p> <p>Sintesis Idea</p>	<p>Aktiviti Roda Penyelesaian Masalah</p> <p>a. Paparkan satu soalan penyelesaian masalah seperti contoh di bawah:</p> <div data-bbox="483 394 1040 625" style="background-color: #00AEEF; color: white; padding: 5px;"> <p><b>Kilang Anisa mempunyai 768 432 biji guli dia agihkan guli itu kepada 8 pemborong. Berapa biji guli setiap pemborong dapat?</b></p> </div> <p>b. Sekiranya kuantiti yang diberi dalam persoalan di atas banyak, boleh beri contoh penyelesaian dengan mengecilkan seperti di bawah:</p> <div data-bbox="483 829 1040 997" style="background-color: #00AEEF; color: white; padding: 5px;"> <p><b>Anisa mempunyai 54 biji guli dia agihkan guli itu kepada 6 orang rakan. Berapa biji guli setiap rakannya dapat?</b></p> </div> <p>c. Jelaskan pelbagai strategi penyelesaian seperti gambarajah, pola dan mencuba kes yang mudah boleh digunakan bagi menyelesaikan soalan ini. Contoh-contoh penyelesaian masalah:</p> <p>i. Menggunakan gambarajah.</p> <div data-bbox="495 1329 1027 1707"> </div>	<p>Kita permudahkan situasi di atas kepada situasi ini.</p> <p>Kita boleh selesaikan dengan menggunakan gambarajah. Agihkan satu satu kepada enam budak tersebut.</p>
---	---	---

	<p>ii. Mengenal pasti pola.</p> $\begin{array}{ccc} 54 & \longrightarrow & 6 \\ 27 & \longrightarrow & 3 \\ 9 & \longrightarrow & 1 \end{array}$ <p>iii. Mencuba kes yang lebih mudah. 54 agih kepada 6 orang <math>54 \div 6 = 9</math></p> <p><math>768\ 432 \div 8 = \underline{\hspace{2cm}}</math> (dgn cara ini murid mengetahui bahawa operasi bahagi digunakan untuk menyelesaikan masalah ini)</p> <p>d. Selesaikan situasi asal yang diberi dengan meminta ketua kumpulan melakukan pusingan Roda Penyelesaian masalah dan menyelesaikan masalah diberi berdasarkan strategi penyelesaian yang diterima dari aktiviti memusing roda itu.</p> <div data-bbox="521 1073 984 1535" style="text-align: center;"> </div>	<p>Kita juga boleh selesai secara pola.</p> <p>Mencuba kes yang lebih mudah seperti ini juga boleh digunakan untuk menyelesaikan situasi yang lebih susah.</p>
<p><b>3. Perkembangan</b>  Penambahbaikan</p>	<p>a. Bahagikan murid kepada 3 kumpulan</p> <p>b. Setiap ahli kumpulan akan berada di setiap stesen yang ditetapkan.</p>	

<p>Menilai</p>	<p>Contoh pelan stesen</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Contoh soalan: rujuk Lampiran 3</p> <p>i. Stesen A</p> <p>Murid membaca soalan yang terdapat di papan putih dan menghantar maklumat kepada ahli kumpulan di stesen B</p> <p>ii. Stesen B</p> <p>Ahli di stesen B akan memilih strategi yang akan digunakan dan di hantar ke stesen C.</p> <p>iii. Stesen C</p> <p>Ahli kumpulan di stesen C akan menulis jalan pengiraan mengikut strategi yang dipilih di stesen B.</p> <p>c. Bentangkan hasil kumpulan.</p>	
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p>	<p>Aktiviti pengukuhan</p> <p>a. Edarkan Lembaran Kerja 16 kepada setiap murid.</p>	

**NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5**

---

Amalan Berterusan		
<b>Pentaksiran</b>	Murid berupaya menyelesaikan soalan di Lembaran Kerja 16	
<b>Nilai dan Sikap</b>	Bekerjasama dan bertolak- ansur	

LAMPIRAN 2

- 1. En. Sam pengumpul setem dan mempunyai 650 000 keping setem. Setem-setem itu dibahagikan sama rata kepada 5 orang anaknya. Berapakah keping setem yang diperolehi oleh setiap orang anaknya?**
  
- 2. Sejumlah 432 048 biji manik diberikan kepada Anita, Daud, Bakar dan Mail, berapa biji manikkah yang diperolehi oleh mereka?**
  
- 3. Pak Sodoku menjual 550 660 biji buah limau, kesemua limaunya diikat dalam beberapa ikatan. Setiap ikatan mempunyai 10 biji buah limau?**
  
- 4. Siti membeli 200 561 kuntum bunga Kekwa, bunga-bunga ini dimasukkan ke dalam 4 bekas yang sama besar. Berapa kuntum bungakah dalam setiap kotak? Dan jelaskan bilangan kuntum bunga bagi setiap bekas.**



1. Harga 3 batang pen ialah RM18.00, Berapakah harga bagi 5 batang pen yang sama?
  
2. Di dalam sebuah bekas ada 35 biji gula-gula. Jika gula-gula ini diagihkan kepada 5 orang  
Berapakah jumlah yang diperolehi oleh setiap orang?
  
3. 20 orang pekerja membuat 60 tudung saji dalam masa lapan hari.  
Berapa harikah yang diperlukan jika 10 orang pekerja membuat 30 tudung saji yang sama jenis?
  
4. Cikgu Aisyah ada 156 batang pensel. Dia memberikan 16 batang pensel kepada Ali.  
Baki pensel itu dibahagikan secara sama rata kepada Badrul, Chong dan Danish.  
Berapakah bilangan pensel yang diterima oleh Danish?



**Bidang:** Nombor dan Operasi


**Tajuk:** Bahagi hingga 1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
5.3 Penggunaan anu dalam pembahagian.



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
i. Mengenal pasti anu yang melibatkan pembahagian dua nombor.

**Masa:** 60 minit.

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Murid menyatakan anu berdasarkan soalan-soalan yang diberikan oleh guru. (Contoh Bergambar)</p>  <p>b. Guru membentuk ayat matematik berdasarkan situasi bergambar yang diberi.</p> <p><math>12 \div \underline{\quad} = 4</math></p> <p><math>\underline{\quad}</math> menunjukkan anu.</p> <p>c. Tunjukkan gambar lain dan minta murid mengenal pasti anu.</p> <p>d. 15 orang murid dipanggil ke</p>	<p>Berapa kumpulan yang telah dibentuk?</p>

	<p>hadapan kelas. Murid-murid tersebut diagihkan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang murid.</p> <p>e. Minta murid mengenal pasti anu dari aktiviti yang diberi.</p> <p><math>15 \div \underline{\quad} = 5</math></p> <p><math>\underline{\quad}</math> merupakan anu.</p> <p>f. Ulang aktiviti dengan aktiviti lain bagi mengukuh kefahaman murid.</p>	
<p><b>2. Imajinasi</b></p>	<p>a. Kemahiran murid diperkukuhkan dengan soalan-soalan berbentuk lisan seperti contoh berikut:</p> <p>i. Seorang pekebun ingin menanam 320 batang anak pokok pisang di kebunnya. Setiap baris terdiri daripada beberapa batang anak pokok pisang. Hasilnya terdapat empat baris pokok pisang.</p> <p>ii. Azie memasukkan beberapa biji manik ke dalam 15 buah bekas. Setiap bekas mengandungi beberapa biji manik. Jumlah asal manik Azie ialah 200 475 biji.</p> <p>b. Minta murid mengenal pasti bagi situasi ayat yang diberi.</p> <p>c. Ulang situasi a(i) dan (ii) supaya kefahaman murid berkaitan anu kukuh.</p>	<p>Kenal pasti anu dalam situasi ini.</p>
<p><b>3. Perkembangan</b></p>	<p>a. Selain dalam bentuk situasi anu juga boleh diberi kepada murid dalam bentuk mekanikal. Beberapa contoh soalan untuk mencari anu dalam bentuk mekanikal.</p>	

	<p>i. <math>a \div 6 = 40</math>  ii. <math>b \div 30 = 125</math>  iii. <math>2\,760 \div x = 15</math>  iv. <math>12\,564 \div y = 9</math></p>	
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan berterusan</p>	<p>a. Edarkan Lembaran Kerja 17 kepada setiap murid.</p> <p>b. Bincangkan hasil kerja murid.</p>	<p>Selesaikan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan.</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di Lembaran Kerja, murid perlu betul kesemua soalan yang diberi sebelum bergerak ke kemahiran berikutnya.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Ketelitian dan ketepatan.</p>	



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Gariskan 'anu' pada situasi di bawah:

1. Ayah membeli 12 batang pensel. Ia beri sama banyak kepada beberapa orang anaknya. Setiap seorang dapat empat batang pensel.	2. $Y \div 12 = 105$
3. $460 \div Z = 23$	4. Dalam kotak ada 25 biji guli. Kesemua guli itu dibungkus ke dalam beberapa plastik. Terdapat 5 plastik semuanya.
5. Kakak membeli 30 biji manggis. Manggis-manggis tersebut diikat dalam beberapa ikatan. Setiap ikatan ada 10 biji manggis.	6. <input type="text"/> $\div 32 = 318$

**Bidang:** Nombor dan Operasi

**Tajuk:** Bahagi Hingga 1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
5.3 Penggunaan anu dalam pembahagian.



**Standard Pembelajaran:** Murid berkeupayaan untuk:  
ii. Membentuk ayat matematik yang melibatkan situasi harian pembahagian dua nombor.  
iii. Menentukan nilai anu bagi ayat matematik yang melibatkan pembahagian dua nombor.

**Masa:** 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Guru pameran kad bacaan di hadapan kelas.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>Pak Ali seorang pengusaha ladang limau. Pada suatu pagi, dia telah mengutip sebanyak 15 480 biji limau. Limau tersebut perlu dimasukkan ke dalam kotak untuk dipasarkan. Setiap kotak boleh dimuatkan dengan 2 580 biji limau, beberapa buah kotak perlu disediakan.</p> </div> <p>b. Minta murid membentuk ayat matematik dari situasi di atas.</p> $15\ 480 \div \underline{\quad\quad} = 2580$ <p>c. Minta murid mencari nilai bagi ayat matematik pada b.</p> <p>Gunakan pola bagi mencari pembahagi.</p> $\begin{array}{r} 2580 \longrightarrow 1 \\ \left\{ \begin{array}{l} 5160 \longrightarrow 2 \\ 10320 \longrightarrow 4 \\ 15480 \longrightarrow 6 \end{array} \right. \end{array}$ <p>d. Ulang aktiviti a hingga c dengan situasi lain.</p>	<p>Sila baca pernyataan berikut.</p>





**NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5**

---

<b>4. Tindakan</b>  Pelaksanaan  Amalan Berterusan	a. Edarkan Lembaran Kerja 18 kepada setiap murid.  b. Bincangkan hasil kerja murid.	Selesaikan tugas yang diberi.
<b>Pentaksiran</b>	Berdasarkan kepada keupayaan murid membentuk ayat matematik secara lisan dan menjawab soalan di Lembaran Kerja.	
<b>Nilai dan Sikap</b>	Terapkan nilai bekerjasama dan berani memberikan jawapan secara lisan dalam menyelesaikan soalan yang diberikan.	





Lembaran Kerja 18

Lengkapkan ayat matematik berikut :

1.



565 100 biji gula-gula dibungkuskan ke dalam peket-peket kecil. Setiap peket mengandungi 20 biji gula-gula. Maka beberapa peket gula-gula diperolehi.

Ayat matematik :  ÷  =

Penyelesaian

2.



Terdapat 90 000 botol jus oren. Jika sebuah kotak boleh diisi dengan beberapa botol jus oren. Terdapat 9000 kotak jus oren semuanya.

Ayat matematik :  ÷  =

Penyelesaian

3.



Sebuah syarikat penerbitan menerbitkan sejumlah buku rujukan untuk diagihkan sama banyak ke beberapa buah kedai. Jika setiap kedai menerima sejumlah 2 985 buah buku. Bilangan asal buku rujukan tersebut ialah 298 500.

Ayat matematik :  ÷  =

Penyelesaian

4.



Seorang penternak mengutip 5 400 biji telur itik dalam masa dua minggu. Beliau mengagihkan telur tersebut kepada beberapa buah kedai untuk dijual. Setiap kedai akan menerima 360 biji telur.

Ayat matematik :

$$\boxed{\phantom{000}} \div \boxed{\phantom{000}} = \boxed{\phantom{000}}$$

Penyelesaian

5.



Sebuah tapak semaian mempunyai 4 575 batang anak pokok. Anak pokok itu disusun sama banyak dalam beberapa baris, setiap baris mempunyai 305 anak pokok.

Ayat matematik :

$$\boxed{\phantom{000}} \div \boxed{\phantom{000}} = \boxed{\phantom{000}}$$

Penyelesaian

6.



En Lim ada enam kotak gula-gula yang mengandungi 750 biji gula-gula. Gula-gula itu dibahagikan sama rata kepada beberapa orang kawannya. Setiap orang kawannya mendapat 50 biji gula-gula.

Ayat matematik :

$$\boxed{\phantom{000}} \div \boxed{\phantom{000}} = \boxed{\phantom{000}}$$

Penyelesaian

CADANGAN STANDARD PRESTASI

TAHAP PENGUASAAN	CADANGAN SOALAN STANDARD PRESTASI																				
1	<p>A. Baca ayat matematik di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <math>32\ 814 \div 9 = 3\ 646</math></li> <li>2. <math>389\ 472 \div 12 = 32\ 456</math></li> <li>3. <math>810\ 075 \div 35 = 23\ 145</math></li> </ol> <p>B. Selesaikan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <math>4 \overline{) 4\ 8\ 2\ 2\ 0\ 0}</math></li> <li>2. <math>3 \overline{) 6\ 2\ 1\ 7\ 0\ 2}</math></li> </ol>																				
2	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th data-bbox="444 856 545 898">Bil</th> <th data-bbox="545 856 989 898">Soalan</th> <th data-bbox="989 856 1442 898">Kemungkinan bilangan digit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="444 898 545 1008">1</td> <td data-bbox="545 898 989 1008"><math>65\ 382 \div 6 =</math></td> <td data-bbox="989 898 1442 1008"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1008 545 1117">2</td> <td data-bbox="545 1008 989 1117"><math>177\ 422 \div 7 =</math></td> <td data-bbox="989 1008 1442 1117"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1117 545 1226">3</td> <td data-bbox="545 1117 989 1226"><math>199\ 042 \div 23 =</math></td> <td data-bbox="989 1117 1442 1226"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1226 545 1335">4</td> <td data-bbox="545 1226 989 1335"><math>215\ 628 \div 34 =</math></td> <td data-bbox="989 1226 1442 1335"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="444 1335 545 1444">5</td> <td data-bbox="545 1335 989 1444"><math>878\ 766 \div 98 =</math></td> <td data-bbox="989 1335 1442 1444"></td> </tr> </tbody> </table>			Bil	Soalan	Kemungkinan bilangan digit	1	$65\ 382 \div 6 =$		2	$177\ 422 \div 7 =$		3	$199\ 042 \div 23 =$		4	$215\ 628 \div 34 =$		5	$878\ 766 \div 98 =$	
Bil	Soalan	Kemungkinan bilangan digit																			
1	$65\ 382 \div 6 =$																				
2	$177\ 422 \div 7 =$																				
3	$199\ 042 \div 23 =$																				
4	$215\ 628 \div 34 =$																				
5	$878\ 766 \div 98 =$																				

3	<p>B. Selesaikan dalam bentuk lazim.</p> <p>1. <math>331\ 056 \div 8 =</math></p> <p style="text-align: right;">Jelaskan bagaimana kamu mendapat jawapan _____</p> <hr/> <p>2. <math>251\ 532 \div 36 =</math></p> <p style="text-align: right;">Jelaskan bagaimana kamu mendapat jawapan _____</p> <hr/> <p>3. <math>700\ 000 \div a = 7000</math></p> <p style="text-align: right;">Jelaskan bagaimana kamu mendapat jawapan _____</p> <hr/>
---	--

	<p>.4. <math>900\ 700 \div 100 =</math></p> <p>Jelaskan bagaimana kamu mendapat jawapan _____</p> <hr/> <p>5. <math>812\ 000 \div 1000 =</math></p> <p>Jelaskan bagaimana kamu mendapat jawapan _____</p>
<p>4</p>	<p>1. Terdapat 592 440 buku sabun mandi hendak diisi ke dalam beberapa buah kotak. Jika satu kotak boleh mengisi sebanyak 60 buku sabun mandi, berapa banyak kotak yang diperlukan untuk mengisi kesemua sabun mandi tersebut?</p> <p>2. Sebuah kilang mengeluarkan <b>784 620 pasang sarung tangan dalam seminggu</b>. Jika bilangan sarung tangan yang dikeluarkan setiap hari adalah sama dan kilang itu tutup pada hari Ahad, berapakah bilangan sarung tangan yang dikeluarkan dalam <b>sehari</b>?</p> <p>3. Syarikat Abu Nawas telah menerbitkan dan mengagihkan 161 315 buah buku catatan</p>



**Bidang:** Nombor dan Operasi

**Tajuk:** Operasi Bergabung

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
6.3 Mengaplikasikan operasi bergabung melibatkan tanda kurung.



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
(i) Menyelesaikan ayat matematik operasi bergabung termasuk yang melibatkan tanda kurung hasilnya dalam lingkungan 1 000 000

**Masa:** 120 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Paparkan situasi berikut:</p> <p>Eli membeli 50 keping setem di sebuah kedai buku sebagai tambahan koleksi setemnya. Di rumah, Eli sudah mempunyai 7 buah album setem yang setiap satunya mengandungi 120 keping setem. Berapakah jumlah setem yang dipunyai oleh Eli sekarang?</p> <p>b. Murid membuat penaaakuan terhadap situasi di atas.</p>	<p>Perhatikan situasi yang ditayangkan.</p>
<p><b>2. Imajinasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p> <p>Sintesis Idea</p>	<p>a. Murid menyatakan operasi yang terlibat.</p> <p>b. Minta murid untuk menulis dalam bentuk ayat matematik.</p> <p>Contoh jawapan: <math>50 + 7 \times 120 =</math></p> <p>c. Selesaikan ayat matematik di atas.</p>	<p>i. Apakah operasi yang akan kamu gunakan?</p> <p>ii. Bolehkah kamu menulis ayat matematik berdasarkan situasi yang diberikan tadi?</p> <p>iii. Cuba kira jumlah setem yang Eli ada.</p>





<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>a. Murid diberi Lembaran Kerja 19 dan Lembaran Kerja 20 dan guru membimbing.</p> <p>b. Murid menyelesaikan soalan-soalan berdasarkan kemahiran yang telah dipelajari.</p> <p>c. Murid membuat refleksi kemahiran dengan membina beberapa soalan dan menyelesaikannya.</p>	<p>Adakah kamu faham dan berpuas hati dengan hasil kerja kamu?</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan keupayaan menjawab soalan dan menyelesaikan aktiviti di lembaran kerja.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Bertanggungjawab, bekerjasama adil dan menganalisa.</p>	



Selesaikan.

1.  $(16\,923 - 8\,976) \times 7 =$

5.  $7\,022 + (1\,441 - 24) =$

2.  $(521 + 8\,462) \times 62 =$


6.  $100 \times (50\,000 - 45\,321) =$

3.  $60\,711 + (816\,975 \div 25) =$

7.  $(83\,214 + 1\,442) \times 8 =$

4.  $583\,277 - (329\,967 + 33) =$

8.  $17 \times (640\,406 - 40\,604) =$



Mari selesaikan.

4						
				2		
1	5					
	3					

1.  $(6\ 722 + 324) \times 8 =$
2.  $4\ 832 + 246 \times 4 =$
3.  $18 \times (17\ 903 - 4\ 865) =$
4.  $1\ 105 \div 5 - 26 =$
5.  $(8\ 482 + 7\ 886) \div 24 =$

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

**Bidang:** Nombor dan Operasi

**Tajuk:** Pecahan

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
7.2 Penolakan Pecahan



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk :  
(ii) Menolak sebarang dua nombor daripada satu nombor melibatkan nombor bulat, pecahan wajar dan nombor bercampur yang penyebutnya hingga 10.

**Masa:** 60 minit



Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<b>1. Persediaan</b>  Pemerhatian dan Analisis	<p>a. Minta murid senaraikan contoh aktiviti dalam kehidupan harian yang melibatkan penolakan pecahan.</p> <p>b. Berikan satu situasi;</p> <p>Sebiji kek di bahagikan kepada 2 orang murid. Amin mendapat <math>\frac{1}{3}</math> manakala Aman mendapat <math>\frac{1}{5}</math>. Berapakah baki kek?</p> <p>c. Minta murid berbincang menyelesaikan situasi yang diberi dan beri penerangan di hadapan kelas.</p>	Senaraikan aktiiti yang melibatkan penolakan pecahan.
<b>2. Imaginasi</b>  Penjanaan Idea  Sintesis Idea	<p>a. Berikan situasi berikut kepada murid.</p> <p>Ladang ternakan kambing En.Daud menghasilkan <math>\frac{3}{4}</math> juta ekor kambing padatahun 2013. Sebanyak <math>\frac{1}{8}</math> juta ekor kambing jenis Jamnapuri, <math>\frac{3}{8}</math> juta ekor jenis Boer dan bakinya adalah jenis kacang. Berapakah kambing jenis kacang?</p>	Bincang dan selesaikan.

- b. Minta murid bincang situasi tersebut.  
 c. Bimbing murid membentuk ayat matematik dan menyelesaikan situasi dengan menggunakan pelbagai strategi.


$$\frac{3}{4} - \frac{1}{8} - \frac{3}{8} =$$

- i. Guna benda maujud.  
 Sediakan 8 helai kertas A4. Cantumkan dan warnakan 6 helai daripadanya. Asingkan 4 helai kertas yang diwarnakan. Kertas berwarna yang tinggal adalah 2 helai.
- ii. Guna Gambarajah;  
 Gambarajah 1



$$\frac{3}{4} = \frac{6}{8}$$



Gambarajah 2



- c) Murid menyebut pecahan setara bagi  $\frac{3}{4}$

	<p>iii. Gunakan Pengiraan</p> $\frac{3}{4} - \frac{1}{8} - \frac{3}{8} =$ $\frac{6}{8} - \frac{1}{8} - \frac{3}{8} = \frac{2}{8} = \frac{1}{4}$ <p>d. Ulang aktiviti menggunakan situasi lain melibatkan nombor bulat, pecahan wajar dan nombor bercampur.</p>	
<p><b>3.Perkembangan</b> Penambahbaikan</p> <p>Menilai</p>	 <p>Rajah menunjukkan satu garis nombor. Apakah nilai X ?</p> <p>a) Guru memaparkan soalan. b) Cungkil idea murid. c) Bimbing murid menyelesaikan masalah.</p> <p><b>Gunakan Pola 1;</b></p> <p>i) Tukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar</p> $1\frac{1}{3} = \frac{4}{3}$ <p>ii. Samakan penyebut.</p> $\frac{4}{3} = \frac{8}{6}$ 	<p>i. Sebutkan nombor pada garis nombor.</p> <p>ii. Bagaimana cara menukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.</p> <p>iii. Apakah pola nombor yang kamu lihat?</p>

	<p>Jadi nilai X ialah <math>\frac{9}{6} = 1\frac{3}{6} = 1\frac{1}{2}</math></p> <p><b>Guna Pengiraan;</b></p> <p>i. <math>\frac{4}{3} - \frac{5}{6} =</math></p> $\frac{8}{6} - \frac{5}{6} = \frac{3}{6}$ <p>Cerakinkan untuk mendapatkan nilai satu senggat</p> $\frac{3}{6} = \frac{1}{6} + \frac{1}{6} + \frac{1}{6}$ <p>Untuk mendapatkan nilai X,</p> $\frac{4}{3} + \frac{1}{6} =$ $\frac{8}{6} + \frac{1}{6} = \frac{9}{6} = 1\frac{3}{6} = 1\frac{1}{2}$	<p>iv. Ada berapa senggat dalam <math>\frac{3}{6}</math> ?</p>
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>Edarkan Lembaran Kerja 21 secara individu</p> <p>Bincangkan jawapan</p>	
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan keupayaan murid dalam menjawab soalan di lembaran kerja dan secara lisan.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Bekerjasama, tolong menolong, berdikari dan berusaha.</p>	




Nama: \_\_\_\_\_

Tahun : \_\_\_\_\_

Selesaikan masalah berikut menggunakan pelbagai strategi.

- 1) Pn.Liyana membeli  $6\frac{3}{5}$  biji kek. Suaminya makan  $1\frac{1}{3}$ , manakala anaknya makan  $\frac{3}{5}$  biji. Berapakah bakinya ?
  
- 2) Kolam ternakan En Wan menghasilkan  $1\frac{1}{4}$  juta ekor ikan. Daripada jumlah tersebut,  $\frac{2}{5}$  juta ekor adalah ikan talapia,  $\frac{3}{4}$  juta ekor jenis ikan jelawat, manakala selebihnya ikan tebarau. Berapa ekor ikan tebarau?
  
- 3) Berapa perlu ditambah kepada hasil tolak bagi pecahan  $5\frac{1}{4}$  dan  $\frac{1}{3}$  supaya jumlahnya 10 ?
  
- 4) Suraya membeli 15 m reben untuk mengikat bungkusan hadiah.  $4\frac{1}{3}$  m digunakan untuk mengikat bungkusan hadiah A dan  $5\frac{5}{6}$  lagi digunakan untuk mengikat bungkusan hadiah B. Berapakah baki, dalam m, reben tersebut?

5)



Apakah nilai Y ?



**Bidang:** Nombor dan Operasi

**Tajuk:** Wang hingga RM1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
10.7 Mengaplikasikan penyelesaian masalah melibatkan wang



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
(i) Menyelesaikan masalah harian termasuk menggunakan pelbagai instrumen pembayaran yang melibatkan penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian, gabungan operasi tambah dan tolak, gabungan operasi darab dan bahagi nilai wang.

**Masa:** 180 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Paparkan beberapa keratan bil seperti bil telekom, astro, bil elektrik dan lain-lain.</p> <p>b. Paparkan jenis-jenis kad seperti kad kredit, kad debit dan kad prabayar.</p> <p>c. Kemukakan beberapa soalan mengikut situasi. Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Situasi pembayaran tunai</li> <li>ii. Situasi pembayaran menggunakan kad kredit</li> <li>iii. Situasi pembayaran menggunakan cek</li> <li>iv. Situasi pembayaran menggunakan kad debit</li> </ul>	<p>Sila lihat contoh bil yang dipaparkan.</p> <p>Adakah anda biasa melihat bil ini? Nyatakan tempat pembayaran bil tersebut. Sebutkan kaedah yang digunakan untuk membayar bil ini?</p> <p>(Semua jawapan di terima)</p> <p>Pernahkah anda melihat kad-kad ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kad Kredit Sejenis kad yang membenarkan untuk berbelanja terlebih dahulu sejumlah amaun yang telah ditetapkan.</li> <li>ii. Kad Debit Sejenis kad pembayaran dimana baki dalam akaun simpanan atau semasa akan dikurangkan secara serta-</li> </ul>

	<p>v. Situasi pembayaran menggunakan kad prabayar</p>	<p>merta mengikut jumlah perbelanjaan yang dibuat.</p> <p>iii. Kad prabayar Kad yang telah dibayar terlebih dahulu sebelum digunakan</p> <p>iv. Cek Perintah yang dikeluarkan oleh bank atas arahan pelanggan untuk bayaran tertentu kepada penerima.</p>
<p><b>2. Imaginasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p> <p>Sintesis Idea</p>	<p>a. Agihkan kit kepada 5 kumpulan.</p> <p>b. Rujuk arahan mengikut situasi yang terdapat di dalam kit.</p> <p>c. Setiap kumpulan diminta mencari jumlah bayaran yang dilakukan.</p>	<p>Kumpulan 1 Berebalkan wang tunai RM500 , anda dikehendaki membeli sejumlah barangan berdasarkan senarai yang diberi. [ Kit 1 ]</p> <p>Kumpulan 2 Berebalkan kad kredit, anda dikehendaki berbelanja di sebuah pasaraya berdasarkan barangan keperluan persekolahan. [ Kit 2 ]</p> <p>Kumpulan 3 Berebalkan kad debit, anda dikehendaki membayar bil di sebuah bank perdagangan. [ Kit 3 ]</p> <p>Kumpulan 4 Berebalkan sekeping cek, anda dikehendaki membantu bapa anda membuat bayaran kepada pembekal barangan binaan. [ Kit 4 ]</p> <p>Kumpulan 5 Berebalkan kad prabayar, bernilai RM100 senaraikan perjalanan anda menggunakan kenderaan awam (bas, komuter, LRT) ke destinasi yang telah anda rancang. [ Kit 5 ]</p>

<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambahbaikan</p> <p>Menilai</p>	<p>a. Bantu setiap kumpulan dalam proses perbincangan untuk memastikan kelancaran situasi.</p> <p>b. Terangkan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap kumpulan murid.</p> <p>c. Murid menentukan watak masing-masing berpandukan kad arahan dalam setiap kit.</p> <p>d. Lakonkan situasi.</p>	<p>Baca arahan seperti yang terdapat di dalam kit dan pilih watak masing-masing.</p> <p>Lakonkan watak kamu. Sekiranya ada masalah sila rujuk guru.</p> <p>Kamu dikehendaki menyelesaikan masalah yang diberikan.</p>
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan</p> <p>Amalan Berterusan</p>	<p>a. Murid menggunakan pelbagai nilai mata wang yang disediakan untuk mencari jawapan bagi menghasilkan gabungan nilai wang (dalam penyelesaian masalah).</p> <p>b. Bentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.</p>	<p>Kamu dibekalkan kit mata wang. Sila gunakan wang yang ada untuk menyelesaikan situasi yang diberi.</p> <p>Tunjukkan langkah pengiraan.</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Penilaian dibuat berdasarkan aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan.</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Bekerjasama, tolong menolong, bertolak ansur, berdikari dan berusaha.</p>	

**KIT 1**

**ARAHAN SITUASI**

Seorang bapa dan dua orang anak telah pergi ke sebuah kedai untuk membeli barangan dapur dengan berbekalkan RM500.00

**Senarai barangan yang perlu dibeli.**

- |    |              |          |
|----|--------------|----------|
| 1. | Beras        | 10 kg    |
| 2. | Mila         | 3 kg     |
| 3. | Tepung       | 5 Kampit |
| 4. | Gula         | 5 kg     |
| 5. | Susu         | 10 Tin   |
| 6. | Minyak masak | 5 kg     |

**Watak –watak dalam situasi.**

1. Bapa
2. 2 orang anak
3. Pembantu Kedai
4. Peniaga

**Barangan Dan Harga.**



RM35.50



RM33.70



RM2.20



RM2.30



RM2.50



RM13.35

**Tugasan 1.**

1. Anda dikehendaki membeli serta membayar semua harga barangan yang telah disenaraikan menggunakan wang yang dibekalkan.
2. Peniaga dikehendaki memulangkan baki wang .

**RESIT BARANGAN**

Bil	Barangan	Harga seunit (RM)	Kuantiti	Jumlah harga
1	Beras	35.50	1	
2	Milo	33.70	1	
3	Tepung	2.20	5	
4	Gula	2.30	5	
5	Susu tin	2.50	10	
6	Minyak masak	13.35	1	
Jumlah Harga Barangan			RM	

**Kit 2****ARAHAN SITUASI**

Seorang ibu bersama dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki, berbelanja di sebuah pasaraya, menggunakan kad kredit untuk membeli barangan keperluan persekolahan. Setiap orang anak dibekalkan dengan senarai lengkap keperluan persekolahan masing-masing.


**Senarai keperluan persekolahan:**

<b>Bil</b>	<b>Anak perempuan A</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga seunit</b>	<b>Jumlah</b>
1	Baju kurung			
2	Kain sekolah			
3	Tudung			
4	Kasut Sekolah			
5	Stokin			
6	Beg			
	<b>Jumlah keseluruhan</b>			

<b>Bil</b>	<b>Anak perempuan B</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga seunit</b>	<b>Jumlah</b>
1	Baju kurung			
2	Kain sekolah			
3	Tudung			
4	Kasut Sekolah			
5	Stokin			
6	Beg			
	<b>Jumlah keseluruhan</b>			

<b>Bil</b>	<b>Anak Lelaki</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga seunit</b>	<b>Jumlah</b>
1	Baju kemeja			
2	Seluar sekolah			
3	Tali pinggang			
4	Kasut Sekolah			
5	Stokin			
6	Beg			
	<b>Jumlah keseluruhan</b>			

Barangan dan harga





**RM39.00**



**RM8.90**

**Tugasan 2:**

1. Anda dikehendaki melengkapkan senarai keperluan persekolahan dengan harga yang tertera.
2. Penjual menunjuk dan menyebutkan harga barangan yang dijual.
3. Anda perlu mengira dan menjumlahkan harga barangan keperluan yang akan dibeli.
4. Senarai yang telah dilengkapkan hendaklah ditunjukkan kepada ibu kamu untuk mendapat persetujuan.
5. Ibu kamu memaklumkan baki kredit sebelum pembelian dibuat ialah RM4325. Kira dan nyatakan baki kredit setelah pembelian semua keperluan persekolahan dilakukan. Tunjukkan langkah pengiraan kamu.
6. Bentangkan hasil dapatan kumpulan kamu di hadapan kelas.



**Kit 3**

**Arahan situasi**

Anda dikehendaki membayar bil di sebuah bank perdagangan. Sila buat pembayaran dengan menggunakan kad debit yang dibekalkan.

Bil	Jenis bil	Jumlah
1	Bil elektrik	
2	Bil air	
3	Telekom	
4	Bil astro	
5		

**Bil yang perlu dibayar**



Bil Astro



Bil Telekom



Bil Elektrik

**Tugasan 3:**

1. Sediakan beberapa bil seperti contoh di atas. Tuliskan nilai bagi setiap bil pada ruangan yang disediakan. Jumlahkan.
2. Anda dikehendaki membayar bil yang tertera dengan menggunakan kad debit. Padankan adakah jumlahnya sama dengan jumlah yang anda kira.
3. Selepas anda membayar bil tersebut, anda dapati baki pada kad debit anda ialah RM835.60, berapakah jumlah asal kad debit tersebut apabila tertera nilai bayaran pada bil ialah tujuh keping RM50, lima keping RM20, lapan keping RM10 dan tiga keping RM5.
4. Bentangkan hasil dapatan kamu di hadapan kelas.

**KIT 4**

**ARAHAN SITUASI**

Anda merupakan seorang Kontraktor binaan. Anda dikehendaki membayar sejumlah wang bekalan alatan binaan yang anda telah ambil dari seorang peniaga. Anda juga dikehendaki menyediakan spesifikasi kerja untuk diserahkan kepada pihak sekolah untuk menuntut bayaran kerja membaiki tandas sekolah.

**SENARAI BARANGAN YANG PERLU DIBAYAR**

- |    |               |           |
|----|---------------|-----------|
| 1. | Batu bata     | 2 palet   |
| 2. | Simen         | 8 kampak  |
| 3. | Pasir sungai  | 2 lori    |
| 4. | Tiang konkrit | 10 batang |

**WATAK-WATAK DALAM SITUASI**

1. Kontraktor
2. Anak kontraktor
3. Peniaga bahan binaan
4. Kerani sekolah
5. Guru besar

**BARANGAN DAN HARGA**



Pasir sungai

RM230



Batu bata

RM350



Simen

RM20.50



Tiang batu

RM55

**Tugasan 4:**

1. Seorang kontraktor binaan meminta bantuan anaknya mengira sejumlah barangan yang pembinaan dibekalkan serta menulis sekeping cek untuk diberikan kepada seorang peniaga bagi membayar perbekalan alatan binaan.
2. Kontraktor tersebut dikehendaki menghantar inbois kerja kepada seorang kerani sekolah serta mendapatkan cek bayaran membaiki tandas sekolah dari guru besar.

**Gambarajah Cek**



**Gambarajah Inbois Kerja**

**Wahiza Enterprise**  
**N0 35 ,Rumah Rakyat Rompin**  
**73500 Rompin**  
**Negeri Sembilan**

<b>Bil</b>	<b>Spesifikasi kerja</b>	<b>Harga seunit</b>	<b>Jumlah</b>
1	Menggali, memasang 10 tiang konkrit	RM75.00	
2	Melepa lantai serta dinding seluas 20 kaki x 10 kaki serta memasang jubin lantai	RM80.00	
3	Membina 2 bilik air yang baru	Bayaran sekali gus	RM600
4	Memasang 2 pintu bilik air	RM84	
5	Kerja mengecat dan kemas kerja	Bayaran sekali gus	RM550
	<b>JUMLAH BAYARAN</b>		

**Disediakan Oleh :**

**Disemak oleh :**

.....  
( Abdul Wahab Bin Salleh )  
Pengurus  
Wahiza Enterprise

.....  
(Cop dan Jawatan)

---

**Resit Pesanan Barangan**

Syarikat Toko Bagus  
32 Jalan Besar Rompin  
73500 Rompin  
Negeri Sembilan

<b>Bil</b>	<b>Barangan</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah Harga</b>
1	Pasir	2 lori	230.00	
2	Batu Bata	2 palet	350.00	
3	Tiang Konkrit	10 batang	55.00	
4	Simen	8 kampil	20.50	
5				

Tandatangan Penerima

.....

## Kit 5

### ARAHAN SITUASI

Kamu dan rakan-rakan telah diberi kad pra-bayar bernilai RM100 setiap orang, untuk digunakan selama seminggu. Kamu boleh menggunakan sebarang kenderaan awam atau kemudahan lain yang menggunakan kad pra-bayar tersebut .

Penggunaan kad pra-bayar

Tarikh : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Bil	Kenderaan Awam / Lain-lain	Destinasi	Bayaran	Kekerapan	Jumlah bayaran
1	Bas				
2	Komuter				
3	LRT				
4	ERL				
5	TOL				
6	Parkir				
7					
8					
Jumlah Bayaran					

Penggunaan kad pra-bayar

Tarikh : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Bil	Kenderaan Awam / Lain-lain	Destinasi	Bayaran	Kekerapan	Jumlah bayaran
1	Bas				
2	Komuter				
3	LRT				
4	ERL				
5	TOL				
6	Parkir				
7					
8					
Jumlah Bayaran					

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

---

Penggunaan kad pra-bayar

Tarikh : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Bil	Kenderaan Awam / Lain-lain	Destinasi	Bayaran	Kekerapan	Jumlah bayaran
1	Bas				
2	Komuter				
3	LRT				
4	ERL				
5	TOL				
6	Parkir				
7					
8					
				Jumlah Bayaran	

### Kenderaan awam



Bas



Komuter



Teksi



Parkir



Tol



LRT

### Tugasan 5:

1. Anda dikehendaki membeli kad pra-bayar dengan harga RM100.
2. Anda perlu mengira dan menjumlahkan bil perkhidmatan dalam tempoh satu minggu, serta nyatakan baki wang yang tinggal.
3. Senarai yang telah dilengkapkan hendaklah ditunjukkan kepada ayah kamu untuk mendapat persetujuan.
4. Bentangkan hasil dapatan kumpulan kamu di hadapan kelas.

**Bidang:** Nombor dan Operasi.

**Tajuk:** Wang Hingga RM1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
10.8 Memahami faedah



**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
(i) Menyatakan keperluan memahami faedah mudah dan faedah kompaun dalam simpanan

**Masa:** 120 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Minta murid menceritakan senario yang melibatkan wang simpanan.</p> <p>b. Paparkan tayangan video tentang tabungan wang. <a href="http://www.youtube.com/watch?v=hvMYpKggikg">www.youtube.com/watch?v=hvMYpKggikg</a></p> <p>c. Bersoal jawab dengan murid berkaitan tayangan video.</p> <p><i>Cadangan pautan laman web berkaitan tabungan</i> <a href="http://www.youtube.com/watch?v=-0KOZHHyhwQ">www.youtube.com/watch?v=-0KOZHHyhwQ</a> <a href="http://www.min.com.my">www.min.com.my</a></p>	<p>i. Berapakah jumlah wang simpanan yang telah kamu kumpul?</p> <p>ii. Apakah yang akan kamu lakukan dengan wang tersebut?</p> <p>iii. Di manakah tempat yang sesuai untuk menyimpan wang tersebut?</p>
<p><b>2. Imajinasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p>	<p>i. Tunjukkan tabung yang penuh berisi wang syiling.</p> <p>ii. Adakan soal jawab dengan murid berkaitan dengan tabung yang ditunjukkan dan mengaitkan jawapan murid dengan Buku Wang Saku.</p>	<p>i. Cuba teka, berapa jumlah wang dalam tabung ini?</p>

Sintesis Idea	<p>iii. Paparkan soalan.</p> <p>Encik Happyza seorang usahawan muda. Beliau meraih keuntungan sebanyak RM180 000 setahun. Pada tiga bulan pertama, beliau mendapat RM30 000. Pada tiga bulan berikutnya, beliau memperolehi dua kali ganda keuntungan daripada tiga bulan pertama. Keuntungan pada enam bulan terakhir adalah bersamaan dengan enam bulan pertama.</p> <p>iv. Secara berpasangan, lengkapkan jawapan dalam jadual yang disediakan. <i>Lampiran 4: Jadual Keuntungan</i></p> <p>v. Encik Happyza ingin menyimpan keuntungan yang diperolehinya. Pihak bank memberi 3% faedah ke atas simpanannya setiap tahun. Kira jumlah simpanan Encik Happyza dalam masa tiga tahun jika beliau tidak mengeluarkan simpanannya dalam tempoh tersebut.</p> <p>vi. Bincangkan jawapan murid.</p> <p>vii. Perkenalkan istilah faedah mudah dan faedah kompaun. <i>Cadangan pautan laman web berkaitan faedah mudah dan faedah kompaun</i> <a href="http://www.mybijakwang.blogspot.com/2010/02/faedah-kompaun.html">http://www.mybijakwang.blogspot.com/2010/02/faedah-kompaun.html</a></p>	<p>ii. Sila baca pernyataan berikut.</p> <p>Faedah mudah ialah faedah yang dibayar ke atas modal sahaja.</p> <p>Faedah kompaun ialah faedah atas faedah.</p>
---------------	---	--





<b>4. Tindakan</b>  Pelaksanaan          Amalan Berterusan	<p>a. Secara individu, guru mengedarkan Lembaran Kerja 22.</p> <p>b. Murid mengira faedah mudah dan faedah kompaun yang dikehendaki.</p> <p>c. Murid didedahkan untuk melayari laman sesawang <a href="http://www.mymoneyskills.com/mms/my/ms/MY/budgeting_and_saving/saving.shtml">http://www.mymoneyskills.com/mms/my/ms/MY/budgeting_and_saving/saving.shtml</a> untuk aktiviti interaktif.</p>	
<b>Pentaksiran</b>	<p>Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di lembaran kerja.</p> <p>Murid perlu menjawab dengan betul kesemua soalan sebelum beralih kepada kemahiran berikutnya.</p>	
<b>Nilai dan Sikap</b>	<p>Terapkan nilai bekerjasama dan berani dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.</p>	

**Lampiran 4:**  
Jadual Keuntungan

Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan situasi yang diberikan.

Encik Happyza seorang usahawan muda. Beliau meraih keuntungan sebanyak RM180 000 setahun. Pada tiga bulan pertama, beliau mendapat RM30 000. Pada tiga bulan berikutnya, beliau memperolehi dua kali ganda keuntungan daripada tiga bulan pertama. Keuntungan pada enam bulan terakhir adalah bersamaan dengan enam bulan pertama.

Bulan	Keuntungan (RM)
Januari	
Februari	
Mac	
April	
Mei	
Jun	
Julai	
Ogos	
September	
Oktober	
November	
Disember	
Jumlah	RM 180 000

**Penyata transaksi tahunan Bank A**

JUMLAH FAEDAH 5 %

Tahun	Baki Awal Tahun	Kadar Faedah	Nilai Faedah	Baki Hujung Tahun
1	10,000.00	0.05	500.00	10,500.00
2	10,500.00	0.05	525.00	11,025.00
3	11,025.00	0.05	551.25	11,576.25

Jumlah penyimpanan setelah 3 tahun ialah **RM11 576.25**

**Penyata transaksi tahunan Koperasi B**

Jumlah penyimpanan: RM10 000.00

Faedah yang diberi 5%

Jumlah faedah bagi tiga tahun pertama

TAHUN	KADAR FAEDAH	NILAI FAEDAH
1	0.05	RM500
2	0.05	RM500
3	0.05	RM500
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM1500</b>

Jumlah penyimpanan setelah 3 tahun

RM10 000 + RM1500 = **RM11 500**



Nama : \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

**Penyata Transaksi Tahunan bagi simpanan Puan Sadna di Bank A**

Tahun	Baki awal tahun	Kadar faedah	Nilai faedah	Baki hujung tahun
1	RM5 000.00	2%	RM100.00	RM5 100.00
2	RM5 100.00	2%	RM102.00	RM5 202.00
3	RM5 202.00	2%	RM104.04	RM5 306.04
4	RM5 306.04	2%	RM106.12	RM5 412.16
5	RM5 412.16	2%	RM108.24	RM5 520.40

1. Berdasarkan jadual di atas, berapakah kadar faedah tahunan yang diberikan oleh Bank A?

\_\_\_\_\_

2. Berapakah faedah mudah yang diterima oleh Puan Sadna?

\_\_\_\_\_

3. Berapakah faedah kompaun yang diterima oleh Puan Sadna pada tahun ketiga?

\_\_\_\_\_

4. Berapakah faedah kompaun yang diterima oleh Puan Sadna bagi tiga tahun terakhir?

\_\_\_\_\_

5. Berapakah jumlah faedah yang diterima oleh Puan Sadna bagi simpanannya?

\_\_\_\_\_

## NOMBOR DAN OPERASI: TAHUN 5

**Bidang:** Nombor dan Operasi


**Tajuk:** Wang hingga RM1 000 000

**Standard Kandungan:** Murid dibimbing untuk:  
10.8 Mengaplikasi pelan perbelanjaan dan simpanan




**Standard Pembelajaran:** Murid berupaya untuk:  
(ii) Merancang bajet harian, mingguan dan bulanan bagi mencapai matlamat kewangan jangka pendek

**Masa:** 120 minit

FASA	CADANGAN AKTIVITI	CADANGAN KOMUNIKASI
<p><b>1. Persediaan</b></p> <p>Pemerhatian dan Analisis</p>	<p>a. Paparkan satu situasi.</p> <p>Contoh:</p> <p>Anas hendak membeli sepasang kasut sukan yang berharga RM40.00 dalam masa 4 minggu. Setiap minggu Anas menerima wang saku sebanyak RM20.00 daripada ibu bapa.</p>  <p>i. Murid diminta memberi respon terhadap situasi tersebut.</p> <p>ii. Secara berpasangan, murid berbincang cara untuk mendapatkan kasut sukan dalam masa 4 minggu dengan wang saku yang diberikan.</p>	<p>i. Dapat membeli kasut</p> <p>a. Sebab saya simpan wang</p> <p>b. Ibubapa belikan</p> <p>ii. Tidak dapat membeli kasut</p> <p>✚ Sebab saya tidak menyimpan wang</p> <p>✚ Saya simpan RM2 setiap hari</p> <p>✚ Saya simpan RM10 setiap minggu</p> <p>✚ Saya simpan kesemua wang saku yang diberikan</p>

	<p>b. Paparkan tayangan video.</p> <p><a href="http://www.youtube.com/watch?v=gxz1zlnmo58">http://www.youtube.com/watch?v=gxz1zlnmo58</a></p> <p>Murid memberikan respon berkenaan tayangan video tersebut</p> <p>c. Terangkan di antara kepentingan bajet</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu memastikan keperluan dan kehendak tercapai.</li> <li>• Mengelakkan berbelanja berlebihan</li> </ul>	<p>i. Apakah maksud bajet.</p> <p>ii. Nyatakan maksud matlamat kewangan.</p> <p>iii. Apakah perbezaan di antara keperluan dan kehendak</p>
<p><b>2. Imajinasi</b></p> <p>Penjanaan Idea</p>	<p><u>Aktiviti 1</u></p> <p>a. Secara berkumpulan (4 orang) murid diminta membuat bajet untuk hari ini.</p> <p>Murid diminta untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentangkan bajet harian yang telah dirancang.</li> </ul> <p>b. Tunjukkan cara membuat bajet harian</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lampiran 6</li> </ul>	<p>i. duit belanja = RM5 makan = RM2 simpan = RM3</p> <p>ii. duit belanja = RM4 makan = RM2 alat tulis = RM2</p>

<p>Sintesis Idea</p>	<p><u>Aktiviti 2</u></p> <p>a. Secara berkumpulan (4 orang) murid diminta menyediakan bajet mingguan dan bajet bulanan.</p> <p>Contoh bajet mingguan Lampiran 7:</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Minggu:.....</p> <table border="1" data-bbox="483 653 992 932"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Bajet Mingguan</th> <th>Jumlah Sebenar</th> <th>Perbezaan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>Pendapatan</b></td> <td><b>Pendapatan Anggaran (RM)</b></td> <td><b>Pendapatan Sebenar (RM)</b></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Wang Saku, Hadiah, Upah</td> <td>50.00</td> <td>40.00</td> <td>10.00</td> </tr> <tr> <td><b>Perbelanjaan</b></td> <td><b>Perbelanjaan Anggaran (RM)</b></td> <td><b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b></td> <td><b>Perbezaan (RM)</b></td> </tr> <tr> <td>Makan tengahari</td> <td>10.00</td> <td>10.00</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Alat tulis</td> <td>10.00</td> <td>8.00</td> <td>2.00</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>20.00</b></td> <td><b>18.00</b></td> <td><b>2.00</b></td> </tr> <tr> <td><b>Baki (Pendapatan: Perbelanjaan)</b></td> <td><b>10.00</b></td> <td><b>22.00</b></td> <td><b>12.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Murid diminta untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan bajet mingguan dan bajet bulanan yang telah disediakan.</li> </ul>	Kategori	Bajet Mingguan	Jumlah Sebenar	Perbezaan (RM)	<b>Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Anggaran (RM)</b>	<b>Pendapatan Sebenar (RM)</b>		Wang Saku, Hadiah, Upah	50.00	40.00	10.00	<b>Perbelanjaan</b>	<b>Perbelanjaan Anggaran (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>	<b>Perbezaan (RM)</b>	Makan tengahari	10.00	10.00	0	Alat tulis	10.00	8.00	2.00	<b>Jumlah</b>	<b>20.00</b>	<b>18.00</b>	<b>2.00</b>	<b>Baki (Pendapatan: Perbelanjaan)</b>	<b>10.00</b>	<b>22.00</b>	<b>12.00</b>	<p>i. Apa yang kamu lihat?</p> <p>ii. Terangkan apa yang kamu faham tentang bajet ini</p>
Kategori	Bajet Mingguan	Jumlah Sebenar	Perbezaan (RM)																															
<b>Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Anggaran (RM)</b>	<b>Pendapatan Sebenar (RM)</b>																																
Wang Saku, Hadiah, Upah	50.00	40.00	10.00																															
<b>Perbelanjaan</b>	<b>Perbelanjaan Anggaran (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>	<b>Perbezaan (RM)</b>																															
Makan tengahari	10.00	10.00	0																															
Alat tulis	10.00	8.00	2.00																															
<b>Jumlah</b>	<b>20.00</b>	<b>18.00</b>	<b>2.00</b>																															
<b>Baki (Pendapatan: Perbelanjaan)</b>	<b>10.00</b>	<b>22.00</b>	<b>12.00</b>																															
<p><b>3. Perkembangan</b></p> <p>Penambah-baikkan</p> <p>Menilai</p>	<p>a. Secara berkumpulan (4 orang), setiap kumpulan diminta menyelesaikan Lembaran Kerja 23 hingga Lembaran Kerja 26 dengan menggunakan pelbagai strategi.</p> <p>b. Bentangkan hasil dapatan setiap kumpulan.</p>	<p>i. Nyatakan punca pendapatan selain daripada wang saku.</p> <p>ii. Nyatakan kepentingan bajet</p>																																
<p><b>4. Tindakan</b></p> <p>Pelaksanaan dan Amalan Berterusan</p>	<p>a. Setiap murid diminta menghasilkan satu bajet bulanan</p> <p>Tempoh tugas : Seminggu</p> <p>Panduan tugas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tetapkan matlamat jangka pendek</li> </ul>	<p>Selesaikan tugas yang diberi dalam masa seminggu</p>																																



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancang dan kenalpasti sumber pendapatan</li> <li>• Mengenalpasti keperluan dan kehendak dalam merancang perbelanjaan</li> <li>• Merancang simpanan</li> </ul> <p>b. Murid boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan bajet melalui laman web yang berikut:</p> <p><a href="http://www.youtube.com/watch?v=qxz1zlnmo58">http://www.youtube.com/watch?v=qxz1zlnmo58</a></p> <p><a href="http://financeintheclassroom.org/student/activities.shtml">http://financeintheclassroom.org/student/activities.shtml</a></p> <p><a href="http://dealseekingmom.com/free-financial-education-activity-books-for-kids/">http://dealseekingmom.com/free-financial-education-activity-books-for-kids/</a></p>	<p>Boleh layari laman web berikut untuk maklumat lanjut</p>
<p><b>Pentaksiran</b></p>	<p>Berdasarkan kepada keupayaan murid untuk menyediakan bajet</p>	
<p><b>Nilai dan Sikap</b></p>	<p>Terapkan sifat bekerjasama, bertanggungjawab, rajin dan bersemangat tinggi terutama sewaktu melakukan aktiviti secara berpasangan atau berkumpulan.</p>	



**CONTOH BAJET HARIAN**

Tarikh : .....

<b>Kategori</b>	<b>Bajet Harian</b>	<b>Jumlah Sebenar</b>
<b>Pendapatan</b>	<b>Pendapatan Anggaran (RM)</b>	<b>Pendapatan Sebenar (RM)</b>
Wang Saku, Hadiah, Upah	6.00	6.00
<b>Perbelanjaan</b>	<b>Perbelanjaan Anggaran (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>
Simpanan	3.00	2.00
